

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KEDUA  
*Second Meeting*

---

---

Jilid III  
1997

Bil. 23

Hari Khamis

14 Ogos

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997**

(Ruangan )

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan )**

UCAPAN PENANGGUHAN:

*Pendidikan Kanak-Kanak Terencat Akal*  
*- Y.B.Puan Jamilah binti Ibrahim*

(Ruangan )

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KEDUA  
*Second Meeting*

---

---

Jilid III

Bil. 23

Hari Khamis

14 Ogos 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997**

(Ruangan )

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan )

UCAPAN PENANGGUHAN:

*Pendidikan Kanak-Kanak Terencat Akal*  
■ *Y.B.Puan Jamilah binti Ibrahim*

(Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)



**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

|                            |                            |
|----------------------------|----------------------------|
| Setiausaha Dewan Negara:   | Abdullah bin Abdul Wahab   |
| Penolong Setiausaha Kanan: | Zamani bin Haji Sulaiman   |
| Penolong Setiausaha:       | Haji Mustakin bin Selamat  |
| Penolong Setiausaha:       | Nor Hayatee binti Abdullah |

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
| Pegawai Penerbitan:                | Azhari bin Hamzah<br>Monarita binti Mohd. Hassan |
| Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,<br>P.P.N.      |

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DN.14.8.97

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 14 Ogos 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****PEKERJA BURUH ASING - TINDAKAN TERHADAP MAJIKAN YANG MENGETEPIKAN  
PEKERJA TEMPATAN**

1. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengenai majikan yang menggunakan pekerja buruh asing tetapi membuang dan mengetepikan pekerja anak tempatan:

- (a) berapa banyakkah majikan yang bersikap sedemikian yang telah dapat dikesan oleh pihak kementerian; dan
- (b) apakah tindakan selanjutnya pihak kementerian terhadap majikan yang sedemikian demi menjaga kepentingan pekerja anak tempatan.

**Setiasusaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Sumber Manusia kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Menteri Sumber Manusia pada ketika ini perlu melayan kunjungan rakan sejawatannya daripada Jepun, dengan izin. Untuk menjawab soalan,

- (a) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sedang menyiasat dua kes berhubung dakwaan bahawa majikan-majikan mengetepikan pekerja-pekerja tempatan dan mengambil rakyat asing untuk bekerja dengan mereka. Kes-kes tersebut memerlukan siasatan yang lebih mendalam. Justeru itu, adalah terlalu awal untuk mengemukakan maklumat yang lebih lanjut kerana khuatir ianya boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan sekarang.

- (b) Sekiranya didapati benar majikan berkenaan telah bersikap secara tidak bertanggungjawab mengetepikan pekerja-pekerja tempatan untuk mengambil pekerja asing, kerajaan akan membatalkan kelulusan yang diberikan kepada majikan berkenaan untuk mengambil pekerja-pekerja asing, dan pekerja-pekerja asing tersebut dihantar pulang. Di samping itu, majikan-majikan berkenaan turut akan disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan mengambil pekerja asing lagi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini untuk makluman pihak kerajaan, kalau tidak jawab tidak mengapalah. Bolehkah pihak kerajaan mengkaji sejauh mana pengangguran di kalangan warganegara Malaysia mengikut umur dan dibandingkan pula dengan pendatang-pendatang asing. Saya tidak mahulah wujud suatu keadaan yang kronik, yang paradoxical, mohon izin, kerana adanya pengangguran di kalangan anak tempatan. Saya terbaca dalam surat khabar baru-baru ini tiga orang sahabat saya Orang Asli, belia - mengatakan lepas ia menduduki Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia pergi ke bandar tidak dapat kerja, saya hairan. Kerana kerja kita dengar banyak sangat, sehinggakan 1 juta lebih orang-orang asing datang ke sini. Jadi, bolehkah pihak kerajaan kalau belum ada kajian buat satu kajian di mana setiap lapisan masyarakat tanpa mengikut batasan kaum dan sebagainya, kita kaji adakah tidak pengangguran dan kenapa pengangguran ini wujud, kerana pada masa yang sama pekerja-pekerja skill dan semi-skill, mohon izin, daripada pendatang-pendatang luar dapat bekerja di sini? Jadi, kalau dapat pihak kerajaan membuat satu ulasan?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan kajian secara terperinci, tidak dalam pengetahuan saya bahawa ada kajian terperinci mengenai dengan bilangan tepat rakyat yang menganggur. Walaupun demikian, rakyat kita digalakkan untuk mendaftar di Pejabat Buruh untuk mendaftar supaya mereka sebahagian daripada rakyat yang memerlukan kerja di mana-mana tempat dan di mana-mana sektor pun. Berdasarkan jumlah ini memang kita ada bilangan, tetapi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' tadi bahawa kajian terperinci memang dalam pengetahuan saya tidak dibuat, tetapi maklumat daripada pendaftaran yang ada kita dapati bahawa sebahagian daripada keadaan membolehkan

pengangguran ini berlaku ialah oleh kerana ada di kalangan rakyat kita tidak ingin bekerja di beberapa tempat. Contohnya dalam sektor binaan yang begitu berat sekali, dan menggunakan tenaga yang lebih berat terpaksa juga kita menggunakan buruh-buruh asing. Begitu juga dalam sektor perladangan contohnya. Kebanyakan dalam sektor perladangan kita terpaksa menggunakan buruh-buruh asing yang bertugas seperti contohnya datang daripada Indonesia dan juga ada yang datangnya daripada Filipina. Bilangan yang kita dapati pada hari ini sejumlah 1,120,000 buruh asing yang kita perlukan dalam beberapa sektor di negara kita.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lama lagi kerajaan akan bergantung kepada pekerja-pekerja asing, dan adakah kerajaan menetapkan satu time frame yang mana kita boleh mengakhiri masalah pekerja asing ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, kita tidak dapat menetapkan tarikh sebenarnya bila pergantungan ini akan berlangsung. Pergantungan ini kita akan boleh hapuskan sekiranya rakyat negara ini mengubah sikap mereka untuk menyambut sahutan galakan daripada kerajaan untuk mengambil tempat para buruh asing. Contohnya, dalam bidang kerja-kerja suri rumah pun pada hari ini kita terpaksa bergantung kepada buruh asing untuk menjaga anak-anak dan juga menjaga makanan-makanan kita. Kita juga bimbang keadaan ini akan berlarutan sehingga keselamatan setakat sampai jaga makanan pun kita banyak bergantung. Kita mengharap agar rakyat mengubah sikap mereka, dan bila mengubah sikap sedikit-sebanyak hendak memenuhi supaya dihapuskan langsung bukan perkara mustahil, tetapi tidak mudah bagi kita.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak kementerian ini saya tidak tahu boleh menjawab soalan ini sebab dia bukan kementerian dia. Tetapi walau bagaimanapun, saya cuba aju juga. Masalah pekerja-pekerja asing kita tahu, apabila pekerja asing bekerja di sini, duit dia akan keluar daripada negara kita, dan ini menjejaskan keadaan kewangan kita. Adakah ini menjejaskan ringgit kita dan berapa peratus penjejasan itu. Juga berkenaan dengan pekerja-pekerja kita sekarang yang ada di sini, orang tempatan tidak dapat kerja. Berapakah peratus taraf kemiskinan sudah naik disebabkan orang-orang kita tidak dapat kerja sekarang ini pada masa ini sebab kerja diambil oleh orang-orang luar. Jadi, orang kita pula sudah tidak ada kerja, bayaran pun murah kepada orang-orang tempatan, inilah menyebabkan keadaan kita tidak seimbang sekarang ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu agak terperinci sedikit. Kalau boleh saya ingin menjawab soalan ini secara bertulis.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya tahu dia tidak boleh jawab secara lisan.

*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Chet Singh.

### **PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN - MASALAH YANG DIHADAPI**

2. **Tuan Chet Singh [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimanakah kedudukan setakat ini, apakah masalah sebenarnya Projek Bakun di Sarawak sekarang ini sehingga menyebabkan Timbalan Perdana Menteri terpaksa bercakap mengenainya di akhbar-akhbar.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun pada masa ini adalah berkaitan dengan percanggahan pendapat di antara pemaju projek iaitu Bakun Hydro-Electric Corporation (BHC) dan Kontraktor EPC, iaitu ABB-CBPO mengenai terma dan syarat-syarat kontrak. Pihak BHC berpendapat bahawa beberapa syarat dalam kontraktor EPC yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak lebih menyebelahi pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan supaya kedua-dua pihak menyelesaikan masalah tersebut melalui perundingan. Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan sedikit masa lagi, kerajaan akan terpaksa campur tangan bagi mencari penyelesaian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa pihak pemaju dengan kontraktor telah pun menandatangani satu perjanjian, dan perjanjian ini adalah valid. Bagaimanakah seperti Yang Berhormat sebut tadi pihak pemaju yang tidak berpuas hati dengan terma-terma bukan kontraktor, ini adalah suatu keadaan yang memalukan negara kita, ini adalah projek nasional. Kalau sekiranya ini berlaku, apakah tindakan yang harus dibuat kepada pihak pemaju itu sendiri, sedangkan kerajaan memberi jaminan ini projek nasional, kerajaan mesti teruskan projek ini, kerajaan mesti tanggung dari segi perjanjian itu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, perbezaan pendapat antara pihak-pihak yang telah pun memasuki satu kontrak ini memang berlaku di dalam mana-mana projek pun. Walau bagaimanapun, oleh kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ini merupakan projek nasional dan kepentingan negara harus kita jaga. Maka kita telah pun sepertimana saya katakan tadi mengambil keputusan supaya memastikan projek ini akan dijalankan dengan lancarnya. Walau bagaimanapun, maka kita telah memberikan satu tempoh masa, iaitu sampai bulan September di mana kedua-dua pihak akan mencari jalan ataupun mencari penyelesaian supaya membereskan perbezaan pendapat antara kedua-dua mereka.

Apa langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan, kita akan mengambil keputusan setelah ini bergantung kepada hasil perundingan pada bulan depan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada dakwaan dibuat oleh Tan Sri Ting mengatakan perjanjian yang telah dimeterai lebih menguntungkan pihak kontraktor. Bagaimana ini boleh berlaku dan apakah kandungan perjanjian itu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perundingan masih berterusan, maka saya tidak boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini setakat ini apakah terma-terma dan syarat-syarat secara terperinci, kerana ia akan menjejaskan perundingan. Ini tidak akan membawa kebaikan kepada mana-mana pihak.

**Tuan Rosli bin Mat Hasan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah selepas menemui jalan buntu bulan September ini, kerajaan kita bersedia untuk memilih kontraktor pelaksana daripada gabungan kontraktor-kontraktor yang dianggap gergasi dimiliki oleh syarikat tempatan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang telah ada persiapan ataupun rancangan untuk memastikan bahawa Projek Bakun ini akan berjalan dengan lancar selepas apa sahaja hasil perundingan yang akan diadakan selepas bulan September ini dan saya hendak memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini tidak kira apa hasil

perundingan yang akan wujud selepas bulan September ini, pihak kerajaan akan memastikan projek ini akan dijalankan dengan lancarnya.

### **BAHAN BINAAN - KEKURANGAN BEKALAN**

3. **Tuan Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah bekalan bahan binaan terutama besi, simen dan lain-lain mencukupi untuk projek pembangunan dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan mungkinkah berlaku 'ketidacukupan' bahan berkenaan dan apakah langkah kerajaan bagi menjamin keperluan di atas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan bekalan bahan binaan seperti simen telah timbul pada tahun 1995 dengan pelaksanaan projek-projek mega yang menyebabkan tekanan permintaan melebihi kadar biasa yang dianggarkan.

Kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menggalakkan penambahan pengeluaran tempatan di samping meliberalisasikan import untuk menampung permintaan yang kian meningkat. Bagi simen umpamanya, permintaan tahun 1997 dianggarkan 17.1 juta tan manakala pengeluaran dianggarkan sebanyak 14.9 juta tan. Kekurangan sebanyak 2.2 juta tan akan ditampung oleh import.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah jangka panjang, kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan pengeluaran melalui pembukaan kilang-kilang baru dan pembesaran kapasiti kilang-kilang sedia ada. Kerajaan juga melalui Panel Khas Bahan-bahan Binaan sentiasa mengawalselia bekalan dan

keperluan bahan-bahan binaan supaya bekalan sentiasa mencukupi untuk memenuhi keperluan tempatan. Panel ini merupakan forum perbincangan di antara kerajaan, pengeluar dan pengguna untuk menyelesaikan sebarang masalah berkaitan dengan keperluan dan bekalan bahan-bahan binaan.

Berasaskan maklum balas daripada industri bahan binaan, pengeluaran bahan-bahan binaan ini adalah mencukupi untuk menampung permintaan projek pembangunan negara pada masa akan datang.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi kualiti, simen yang diimport daripada luar negara dengan simen tempatan, bagaimana kedudukannya.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, simen yang diimport dari negara asing adalah sama mutu dengan simen tempatan dan ini telah pun diuji atau di'test' oleh SIRIM Malaysia.

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan menamakan jumlah kilang simen dan besi dan berapakah keupayaan pengeluarannya setiap tahun?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengeluaran simen dan bekalan simen, pada tahun ini iaitu tahun 1997 permintaan adalah sebanyak 17.1 juta tan dan bekalan hanya 14.9 juta tan. Pada tahun 1998 iaitu

tahun hadapan, permintaan dianggarkan 20.4 juta tan dan bekalan adalah 21.6 juta tan.

Mengenai besi keluli bulat, pada tahun 1998 permintaan adalah dianggarkan 1.4 juta tan tetapi bekalan adalah sebanyak 1.57 juta tan, bermakna bekalan simen dan besi keluli bulat pada tahun 1998 akan mencukupi.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyakkah simen yang diimport dari negeri China dan adakah benar dakwaan bahawa simen-simen yang datang daripada negeri China ini bermutu rendah?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai angka yang tepat mengenai simen yang diimport dari negeri China, tetapi saya mempunyai angka setakat ini iaitu dari bulan Januari hingga Jun 1997 lebih kurang 1.8 juta tan simen telah pun diimport dari negeri China, Mexico, Japan dan Taiwan.

Mengenai simen yang diimport dari negeri China kurang bermutu, ini adalah tidak benar kerana simen-simen yang diimport dari negeri China pun telah diuji atau di'test' oleh SIRIM di negara kita.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendengar dari jawapan tadi ada disebutkan kilang baru. Saya ingin

mendapat maklumat berapakah kilang baru yang akan dibina dan apakah kesan kilang-kilang simen terhadap alam sekitar?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat lapan pengeluar simen tempatan iaitu APMC Lawas, CIMA Perlis; Kedah Cement; Perak-Hanjoong Cement, Tasek Cement, Tenggara Cement, Cement Industry Sabah, Chahaya Mata Sarawak dan kilang simen baru adalah sebanyak tiga iaitu Southern Cement, Pahang Cement, Negeri Sembilan Cement dan kilang ini akan mula beroperasi pada hujung tahun ini.

#### **LAPORAN PERSIDANGAN PARLIMEN DI TELEVISYEN**

4. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah RTM akan mengadakan semula rancangan 'Laporan Parlimen' semasa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara meliputi urusan-urusan yang dibahas di Parlimen untuk tontonan umum melalui TV Malaysia ataupun selepas TV3 mengadakannya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, RTM tidak bercadang untuk membuat rancangan Laporan Parlimen yang menyediakan semua urusan-urusan semasa persidangan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara.

Namun begitu, RTM sememangnya ada menyiarkan Laporan Persidangan Parlimen melalui radio dan televisyen pada setiap hari semasa Parlimen bersidang. Laporan melalui televisyen dimasukkan di dalam siaran Berita Perdana dan buletin-buletin yang lain, melalui Berita Perdana siarannya

selama lima minit, manakala melalui radio berbahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil selama lima belas minit setiap waktu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pada pendapat kerajaan, adakah Laporan Persidangan Parlimen yang disiarkan melalui TV dan radio itu sesuai dan cukup untuk memberi maklumat kepada rakyat dan mengapakah masa terlalu singkat yang diberi kepada Laporan Parlimen?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sebetulnya kita pinda, waktu dahulu kita siarkan Laporan Parlimen ini pada sebelah kelewatan malam sedikit dan nampak tidak ramai yang menonton dan ramai yang menonton drama. *[Ketawa]* Tetapi yang penting bagi kita ialah supaya lebih ramai lagi rakyat mendengar dan menerima maklumat itu makanya kita pinda rancangan, program Laporan Parlimen ini ke Berita Perdana di mana kita menganggap bahawa that is prime time, dengan izin, waktu yang padat di mana rakyat akan lebih banyak menonton maka masa agak terhad sedikit untuk kita memberi laporan.

Namun demikian, perkara yang penting akan dilaporkan di dalam Berita Perdana dan juga radio seperti yang saya nyatakan. Tidak bermakna bahawa kita mengetepikan bahawa tidak penting Laporan Persidangan Parlimen yang ada pada masa kini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya agak adakah satu kesalahan kalau pihak kita tidak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada TV3 yang akan membuat penyiaran selama 24 jam dan juga TV2 yang akan membuat siaran terus 'English Soccer'.

Saya ingin mengemukakan satu soalan adakah ada cadangan kerajaan untuk mengadakan siaran terus persidangan dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara? *[Tepuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini kita tidak mempunyai rancangan untuk menyiarkan secara langsung.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong soalan daripada Ahli Yang Berhormat sebentar tadi kerana kita Malaysia menuju kepada negara maju dan banyak kita mendapat perkembangan di negara maju untuk diimplementasikan di negara kita. Sepertimana di Britain telah menyiarkan secara langsung persidangan dewan, jadi, apa salahnya kalau pihak Kementerian Penerangan merancangkan satu hari nanti untuk membuat rakaman terus Persidangan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Itu soalan tambahan saya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, masanya belum sampai lagi.

**CHILD CARE CENTRE - PENUBUHAN  
DI TEMPAT KERJA SEKTOR SWASTA**

5. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan cadangan untuk menyediakan 'Child Care Centre' di tempat-tempat pekerjaan terutama di kawasan-kawasan perindustrian untuk menggalakkan lebih ramai wanita menceburi bidang pekerjaan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi untuk menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sentiasa menggalak dan mempromosikan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat kerja di sektor swasta. Sehubungan ini, langkah-langkah yang telah diambil termasuklah menawarkan perkhidmatan bantuan dan nasihat untuk memudahkan penubuhan pusat-pusat berkenaan. Bagi tujuan tersebut, sebuah Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak di bawah kelolaan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia telah ditubuhkan untuk bertindak sebagai sebuah pusat serenti, one-stop agency, dengan izin, bagi menyelaraskan kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang wajib.

Kementerian ini juga telah mengeluarkan sebuah buku 'Garis Panduan Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak di Sektor Swasta' untuk dijadikan panduan yang lengkap kepada majikan-majikan yang berhasrat untuk menubuhkan pusat-pusat berkenaan.

Sebagai rangsangan kepada majikan-majikan di sektor swasta untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak masing-masing, kerajaan memberikan kemudahan potongan cukai bagi bangunan yang dibeli atau dibina untuk tujuan pusat berkenaan pada kadar 1/10 daripada kos bangunan tersebut setiap tahun untuk tempoh selama sepuluh tahun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjawab soalan ini, saya harap dapat.

Saya ingin bertanya sehingga sekarang ini, berapa banyakkah 'child care centre' yang telah diwujudkan oleh pihak swasta, sebagaimana yang telah disebutkan tadi insentif-insentif telah pun diberi. Pada pandangan saya, apa yang kita lihat sekarang ini tidak banyak pusat-pusat ini dapat diwujudkan. Jadi, saya ingin mendapat pengesahan dari kementerian berapa banyakkah yang telah dapat diwujudkan dan jika masih banyak lagi pihak-pihak swasta yang tidak dapat mewujudkan 'child care centre' ini, apakah rintangan atau halangan yang menyebabkan pusat-pusat ini tidak dapat diwujudkan? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, bagi sektor swasta sebanyak 951 buah telah diwujudkan, bagi sektor ladang 928 dan lain-lain sektor sebanyak 23 buah.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kalau kita sebut berkenaan dengan kawasan perindustrian saya rasa kebanyakan kilang adalah bekerja 24 jam.

Adakah kementerian meluluskan jika ada pihak-pihak tertentu ingin mengadakan 'day care centre' ataupun pusat jagaan harian ini dalam tempoh 40 jam? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, boleh ulang sekali lagi?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang ada kebanyakan kilang adalah berurusan 24 jam yang mana ibu-ibu ini bekerja 24 jam dalam satu hari. Jadi, apabila dikemukakan atau diajukan permohonan untuk menubuh 'day care centre' ini didapati bahawa ada halangan untuk berurusan selama 24 jam. Adakah kementerian dapat memberi pengecualian di atas undang-undang ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa memberi galakan untuk mewujudkan 'day care centre' ini di kilang-kilang tersebut. Beberapa langkah yang telah pun diambil, sebahagian - sebelum menjawab terus soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi - sebahagian dari galakan itu kemudahan-kemudahan contohnya kita menggalakkan agar sektor swasta ataupun kilang-kilang ini menyediakan perumahan, pengangkutan dan juga kita menggalakkan supaya ada putaran waktu bekerja daripada sebelah malam, contohnya jam 10.00 malam sampai jam 6.00 pagi.

Ini akan sedikit sebanyak memudahkan, pada pandangan kita pada hari ini 24 jam walaupun Yang Berhormat nyatakan ada sedikit sebanyak masalah tetapi untuk membolehkan supaya 40 jam saya rasa belum lagi sampai waktunya tetapi 24 jam pada hari ini memadai oleh kerana kita galakkan supaya ada perubahan dari segi putaran jadual waktu di mana kita menggalakkan supaya mereka boleh bertugas kemungkinan sebelah pagi tidak boleh bertugas oleh kerana ada hal-hal lain dan sebelah malam daripada jam 10.00 malam hingga jam 6.00 pagi. Begitu juga dengan galakan supaya kita - seperti yang saya nyatakan lebih awal tadi - menggalakkan supaya lebih ramai lagi pekerja-pekerja suri rumah untuk menggalakkan lebih ramai wanita di negara kita bekerja di tempat-tempat yang memerlukan perkhidmatan mereka.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita menuju kepada Wawasan 2020 dan negara yang bercita-cita ke arah membangunkan negara ini, maka pada saya, pusat asuhan kanak-kanak ini amatlah penting diwujudkan di mana-mana industri ataupun jabatan-jabatan dan sebagainya. Dan di samping itu, dapat mengatasi masalah penderaan anak-anak yang berlaku dalam masyarakat kita kini. Jadi, soalan saya ialah apakah syarat-syarat yang

dikenakan kepada industri ataupun kepada agensi-agensi yang hendak menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak ini, apakah dari jumlah pekerjaannya ataupun saiz industri itu sendiri? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini seperti yang saya nyatakan tadi beberapa syarat yang kita kenakan seperti terkandung dalam garis panduan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di dalam pihak swasta yang sebahagiannya seperti yang kita nyatakan ialah agar sistem pengajaran anak-anak itu akan lebih baik semasa ibu bertugas di kilang-kilang dan kesemuanya ini terkandung di dalam buku Garis Panduan Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak seperti yang saya katakan tadi.

#### **KWSP - BILANGAN MAJIKAN YANG GAGAL MENCARUM**

6. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan dalam tahun 1994, 1995 dan 1996 berapa ramainya majikan yang telah diambil tindakan oleh kerajaan kerana tidak mencarum wang KWSP. Adakah benar bahawa sesetengah kerajaan negeri juga tidak mencarum wang KWSP. Jika ya, negeri manakah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, KWSP memang sentiasa mengambil tindakan mahkamah terhadap majikan-majikan yang gagal mencarum kepada KWSP untuk pekerja masing-masing. Jumlah majikan yang telah didakwa bagi tahun 1994 ialah 2,524 majikan. Tahun 1995 - 3,255, tahun 1996 - 2,171, manakala dari tempoh dari bulan Januari hingga Mei 1997 ialah 771 majikan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap agensi kerajaan yang mempunyai pekerja yang belum diletakkan ke taraf berpencen dan yang tidak berpencen diwajibkan mencarum kepada KWSP dan mengikut rekod KWSP semua agensi kerajaan negeri mencarum untuk pekerja masing-masing.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun yang sama iaitu 1994, 1995 dan 1996, berapakah jumlah wang KWSP yang telah dikeluarkan kepada pencarum untuk membeli rumah dan berapakah jumlah projek perumahan yang telah disertai oleh KWSP?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, saya tidak mempunyai angka yang begitu terperinci manakala untuk projek perumahan yang boleh disertai oleh pencarumnya masih di peringkat awal oleh kerana cadangan untuk mengadakan rancangan perumahan masih dalam peringkat awalan iaitu satu di sebelah Pahang dan satu lagi di kawasan Selangor dan ada

juga cadangan di tempat-tempat yang lain dan mungkin bagi masa sedikit lama lagi rancangan seumpama ini boleh dilancarkan dengan kadar yang lebih cepat.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah dimaklumkan bahawa sejumlah pekerja yang mencarum di dalam KWSP adalah tidak mempunyai kad pengenalan yang betul, dengan izin, genuine IC, di Sabah. Berapakah jumlahnya dan bagaimanakah kedudukan kewangan yang telah mereka laburkan? Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sejumlah besar pencaruman yang dihantar ke KWSP yang tidak dapat dimasukkan ke akaun masing-masing disebabkan rekod-rekod ataupun catatan-catatan yang kurang tepat dan masalah seumpama ini adalah dikumpulkan dan dijilidkan dalam satu buku yang diedarkan kepada pejabat-pejabat KWSP dan juga kalau dikehendaki, jika perlu, boleh dihantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wakil rakyat, Senator ataupun Ahli Parlimen supaya dapat dipamerkan ataupun diberi peluang kepada orang ramai untuk menjadi satu bahan rujukan. Manakala untuk jumlah wang yang tidak dicarumkan, ini adalah mengikut peraturan supaya selepas tempoh satu-satu masa, kalau didapati masih tidak dapat dicari pencarumnya dengan tepat, wang ini perlulah diserahkan kepada pihak Perbendaharaan dalam satu akaun yang disatukan.

#### KONSERT KRU -PERSEMBAHAN

7. **Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Konsert KRU mendatangkan keburukan kepada rakyat negara ini dan jika benar mengapa iklan dalam TV masih menonjolkan gambar KRU yang sambutannya menakjubkan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, persembahan Konsert KRU telah mematuhi dan garis panduan peraturan persembahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan sepertimana garis panduan dan peraturan persembahan yang diguna pakai oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan apabila menimbangkan kemasukan artis-artis asing ke Malaysia. Mana-mana kumpulan yang mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan ini dibenarkan untuk mengadakan persembahan kerana ia difikirkan tidak akan menambahkan sebarang gejala sosial.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana bersimpati dengan aktiviti hiburan di negara kita terutama oleh anak-anak mudah tetapi yang menyedihkan yang saya ingin tahu daripada pihak

kementerian, bagaimanakah wujudnya percanggahan antara kata putus daripada kementerian peringkat pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri, seolah-olah menunjukkan ada kerajaan yang lebih religious, yang lebih hebat dari segi ukuran-ukurannya dan ini berlaku misal katakan apabila - bukan sahaja KRU - kepada Michael Jackson dahulu, saya ingat lagi. Hendak masuk ke negeri Selangor tidak dapat dan kalau kita pandang sepintas lalu ini mungkin baik, tetapi mereka tidak tahu dengan wujudnya Michael Jackson bermain di Stadium Shah Alam, seluruh dunia akan mengetahui negeri Selangor, Malaysia dan juga Shah Alam tetapi terpaksa berpindah ke Stadium Merdeka yang lebih kecil. Jadi, soalnya adakah pihak kerajaan hendak menentukan - dan sepatutnya tidak payah sampai ke Kabinet, menteri sendiri boleh memutuskan, saya tengok kadang-kadang satu keputusan tidak dapat dibuat, nu sampai ke Kabinet, KRU pun sampai ke Kabinet, Michael Jackson pun sampai ke Kabinet. Jadi, tidak dapatkah pihak kementerian buat satu 'yardstick', satu ukuran, satu jalan supaya ianya dapat diterima pakai oleh seluruh negeri juga. Jadi, kita tidak mahu Persekutuan buat satu keputusan, negeri buat keputusan lain seolah-olah one is more, dengan izin, lebih bersopan santun dan lebih menguatkan dari segi unsur-unsur lain, saya pun tidak tahulah. Jadi, bagaimana kedudukannya?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa garis panduan ini memang ada. Sudah lama pun tetapi kita tekankan kepada kemasukan artis-artis luar kerana itu yang banyak bermasalah, satu budaya unsur luar datang, jadi kita kena tapis. Dan untuk mereka hendak mempersembahkan pertunjukan itu mestilah mereka memahami dan mematuhi kehendak-kehendak dan garis panduan yang dikenakan oleh kementerian ini. Masalah Yang Berhormat sebutkan tadi ialah masalah untuk hendak mendapatkan tempat. Masalah untuk mengeluarkan dan memberi kebenaran mengadakan satu-satu pertunjukan itu, mengikut undang-undang yang ada sekarang tertakluk kepada kerajaan tempatan.

Oleh yang demikian, walaupun misalannya kementerian telah meluluskan atau memberi kebenaran kepada Michael Jackson untuk membuat persembahan seperti mana yang kita kehendaki itu, tetapi persembahan itu perlu dilaksanakan di satu tempat, jadi kalau pihak yang mempunyai tempat itu tidak membenarkan, maka terpaksa pihak yang hendak membuat persembahan itu pergi ke tempat lain. Jadi, wujudlah keadaan tidak dapat diadakan di sebuah stadium yang besar, diadakan di Stadium Merdeka kerana undang-undang yang ada sekarang ini, untuk hendak mendapatkan kebenaran

melaksanakan ataupun membuat pertunjukan itu, tuan punya tempat itu, kerajaan tempatan mesti meluluskan. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham dengan keadaan ataupun masalah itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Sebenarnya soalan saya bukan tempat, soalan saya dari segi menyamakan ukuran-ukuran (yardstick guideline) supaya apabila pihak Persekutuan bersetuju untuk mengambil KRU misal kata, ini kumpulan penghibur tempatan, negeri-negeri lain pun kata, okaylah, sebab ini sudah bersetuju. Ini ada negeri yang tidak bersetuju dengan alasan tertentu, itu maksud saya, bukan tempat. Soalnya dari segi menyamaratakan ukuran-ukuran yang ditetapkan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya fahamlah apa Yang Berhormat ketarakan itu, tetapi tuan punya tempat ini akan menggunakan alasan-alasan yang pelbagai. Jadi, pokoknya, mereka tidak membenarkan tempat itu digunakan, alasannya memang banyak dan itu di luar bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pada pandangan kerajaan yang mana lebih memberi kesan buruk di antara membenarkan pertunjukan seperti Michael Jackson, KRU di tempat awam ataupun membenarkan pusat-pusat hiburan, kelab malam dan bahan-bahan lucah yang boleh didapati di merata-rata ceruk. Saya hairan kalau Kerajaan Pusat boleh benar, kerajaan negeri boleh over rule? Adakah kita ada dua kuasa? Bapa beri kebenaran, anak kata tidak boleh. Ini satu jawapan yang nampak memalukan kerajaan kita. [*Tepuk*]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap persoalan ini dapat dibentangkan di Dewan Negeri kerana itu tempatnya yang lebih sesuai. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat sama ada pertunjukan KRU lebih baik atau lebih tidak baik daripada pertunjukan-pertunjukan lain, sebenarnya daripada pandangan kementerian ataupun kerajaan, semua pertunjukan yang tidak baik itu tidak boleh ditonton ataupun dibenarkan dipertunjukkan kepada orang ramai, tidak kira KRU atau mana-mana kumpulan. Sebarang pertunjukan pun memang ada garis panduannya dan perlu mematuhi garis panduan ini.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam pengetahuan pihak kementerian apakah perbuatan-perbuatan sumbang yang dilakukan oleh KRU ini hingga menyebabkan

bahawa kumpulan itu dihalang daripada mengadakan pertunjukan-pertunjukan. Ini persoalan yang selalu ditimbulkan oleh anak-anak muda.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak ada membuat siasatan sebelum pihak KRU ini membuat pertunjukan. Yang kita lakukan, apabila mereka memohon garis panduan, kita terangkan garis panduan yang perlu digunapakai. Jadi, saya tidak dapat hendak menjawab apakah pertunjukan yang sebelumnya itu yang tidak kena, saya tidak menonton persembahan mereka sebelum mereka datang memohon garis panduan itu. Apabila kita panggil dan kita terangkan, kita fahami bahawa mereka menerima nasihat kita. Kerajaan Pusat juga telah meminta kerajaan-kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan untuk mempertimbangkan semula keputusan-keputusan yang telah mereka lakukan atau mereka buat terhadap permohonan kumpulan ini.

#### **DOKTOR PAKAR UNTUK WARGA TUA - MENAMBAH BILANGAN**

**8. Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa kenyataan beliau berhubung dengan bilangan “geriatrician” (dokter pakar untuk rakyat sudah berusia). Menurut beliau hanya ada 4 orang doktor tersebut dalam negeri kita. Dua orang sudah berkhidmat dengan kerajaan manakala dua orang lagi berkhidmat di Universiti Hospital, adakah kementerian menimbangkan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi kekurangan “geriatrician” yang agak serius ini untuk menemui cabaran masa hadapan selain daripada menawarkan biasiswa kepada doktor-doktor yang ada untuk mendapatkan ilmu khas dalam bidang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti perlunya perkhidmatan geriatrik ditingkatkan selaras dengan bertambahnya peratus penduduk berusia. Pada tahun 1996, terdapat 3.7% penduduk berusia 65 tahun dan lebih dan dijangka meningkat ke 3.9% pada tahun 2000. (Bagi usia 60 tahun ke atas 5.8% pada tahun 1996 dan dijangka naik 6.1% pada tahun 2000)

Sasaran Kementerian Kesihatan pada peringkat awal ialah untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang pakar geriatrik di setiap negeri. Penambahan bilangan pakar tersebut sedang diusahakan termasuk tawaran biasiswa bagi pengkhususan bidang berkenaan. Pada masa ini minat di kalangan doktor tempatan mengikuti latihan kepakaran bidang ini masih kurang. Pengambilan pakar luar negara akan dipertimbang kelak.

Sungguhpun demikian, beberapa bidang kepakaran sedia ada kehendak rawatan perubatan pesakit warga tua telah diambil perhatian. Pakar-pakar perubatan, bedah, ortopedik, neurologi,

dermatologi, nefrologi dan sebagainya memberi sumbangan kepakaran dalam bidang masing-masing dalam rawatan khusus kepada warga tua mengikut keperluan penyakit dan keadaan.

Penempatan 10 orang pakar perubatan keluarga di klinik-klinik kesihatan pada Julai 1997 akan juga turut membantu meningkatkan khidmat rawatan peringkat awal. Khidmat yang diberikan merangkumi rawatan kepada warga tua. Rawatan kepada warga tua di dalam keadaan biasa memerlukan rawatan berpasukan yang dianggotai oleh, antara lain, pakar, jururawat, jurupulih anggota, jurupulih cara kerja dan pegawai kebajikan perubatan. Dalam program rawatan yang dirangka, latihan khusus bagi pasukan ini telah pun dirancang dan beberapa pegawai telah pun dihantar mengikuti latihan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ada setengah-setengah hospital layanannya tidak begitu memuaskan kepada pelanggan. Baru-baru ini berlaku, kawan saya sendiri tunggu sampai dua jam tidak dapat layanan dan memulangkan sahaja kad itu, pergi ke hospital bayar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini orang tuakah?

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Orang muda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kita bicarakan hal orang tua.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Ini ada kaitannya.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah spesifik, saya minta beritahu hospital mana tempatnya, kita boleh siasat perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' P. Krishnan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

#### **SAMPAH DI BANDAR RAYA DAN TAMAN - MENANGANI MASALAH**

9. **Tuan N. Marimuthu [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian dalam menangani masalah sampah yang terbiar di sekitar bandar raya dan taman-taman. Kenapakah pihak majlis perbandaran tidak membuat pemeriksaan terhadap syarikat-syarikat yang dipertanggungjawabkan apabila ianya diswastakan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran kawasan mereka. Kebanyakan pihak berkuasa tempatan telah melantik

syarikat-syarikat kontrak untuk menjalankan kerja-kerja perkhidmatan pungutan dan pelupusan sisa pepejal di kawasan mereka. Dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kontrak dan memastikan sampah-sampah dipungut mengikut jadual. Namun, terdapat segelintir pihak berkuasa tempatan yang agak kurang berkesan menjalankan pemeriksaan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat. Kementerian ini mengingatkan pihak-pihak berkuasa tempatan supaya lebih serius dalam usaha untuk mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sampah di seluruh negara adalah juga akibat dari sikap acuh tak acuh masyarakat kita yang tidak menghiraukan amaran atau saranan. Sikap ini bukan sahaja wujud di kalangan masyarakat bawahan bahkan orang-orang atasan juga banyak yang bersikap demikian. Jika budaya ini terus kekal, tidak ada kuasa di dunia ini yang dapat menguatkuasakan kebersihan di semua bandar di negara ini.

Untuk mengatasi masalah ini, adalah perlu satu pendekatan yang komprehensif digubalkan merangkumi pendidikan dan penguatkuasaan. Undang-undang sahaja tidak mencukupi tanpa strategi penguatkuasaan yang berkesan. Pihak berkuasa tempatan memang mempunyai kebebasan untuk menggubalkan sistem penguatkuasaan yang lebih tegas dan berkesan dengan mengambil kira suasana dan keadaan setempat. Pihak kementerian ini sentiasa memberi saranan agar perkara ini diberi perhatian serius oleh semua pihak berkuasa tempatan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan sampah ini ada dua; satu, membuang dan satu lagi, mengutip. Yang membuang ini saya tidak hendak soal. Yang saya hendak soal ini soalan mengutip. Mengutip di bandar-bandar ini adakah penyelia atau pegawai-pegawai atasan datang ke bawah untuk memperhatikan bahawa sampah-sampah ini dikutip mengikut prosedur.

Sedikit lagi soalan tambahan ialah adakah pihak kerajaan bercadang untuk membawa semua majlis perbandaran ke Kuantan untuk menengok satu contoh yang baik dalam dunia sekarang ini, iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang yang mendapat standard ISO 9000 ataupun dihantar ke bandar Perth, the cleanness city in the world, dengan izin. Jadi, beri contoh kepada pegawai-pegawai yang di tempat-tempat yang sangat kotor, termasuk Kuala Lumpur, di Bangsar.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan kedua dahulu, kita ucapkan tahniah kerana Kuantan dalam negara ini adalah dua bandar di dunia yang diiktirafkan bagi mendapat sijil ISO 9000 [*Tepuk*] dan semua pihak berkuasa tempatan telah pun mengetahui hal ini dan mereka ada membuat lawatan-lawatan kunjungan sambil belajar. Namun demikian, Kuantan ada banyak lagi perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan. [*Ketawa*] Bermaknanya, banyak lagi yang boleh diperbaiki.

Mengenai dari segi penguatkuasaan, saya bersetuju dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Zuki tadi bahawa untuk penguatkuasaan undang-undang sahaja dari segi berapakah denda yang perlu dikenakan, tidak mencukupi. Budaya kerja dalam pihak berkuasa tempatan juga perlu diubah, mesti top down dan down up, sama-sama naik daripada bawah ke atas dan atas ke bawah. Kita berasa malu Perdana Menteri sendiri yang perlu menegur tentang kebersihan bandar Kuala Lumpur. Saya percaya kalau pihak-pihak atasan dalam majlis-majlis tempatan buat satu lawatan mengejut setiap minggu, seminggu sekali, dua minggu sekali, tidak memberi tempat di mana dan waktu, maka orang bawahan, nombor dua, nombor tiganya akan turun dan masing-masing akan dapat menjaga untuk menjaga kalau-kalau bos-bos atasan turun dengan cara surprise check, maka dengan itu sahaja penguatkuasaan wajar dan mampu dijalankan dengan lebih sempurna.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat membuang sampah merata-rata biasanya pihak berkuasa tempatan akan mengenakan denda. Ini satu yang adil, saya rasa. Tetapi adakah pihak kementerian pula bercadang mengenakan denda ataupun penalti kepada pihak berkuasa tempatan yang tidak mengutip sampah-sampah yang terdapat di dalam bandar-bandar ini?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan untuk mendenda pihak-pihak berkuasa tempatan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, rasa saya pengotor ini bukannya bandar, tetapi perangai manusia. Semalam saya baru buat operasi sebelum datang ke Dewan yang mulia ini, [*Tepuk*] baru melawat satu pekan, dalam kedai kopi. Tempat meja kedai kopi itu ada mangkok untuk habuk rokok iaitu ashtray, tetapi perangai manusia, tidak kira bangsa, Melayu, India, Cina sama sahaja - dua kali lima, [*Ketawa*] penuh atas simen itu dengan habuk rokok, bangsa buang pijak, buang pijak, itulah perangai orang hisap rokok. Jadi, macam mana kedai kopi tidak kotor, itu

perangai manusia. Di rumah sendiri dia jaga, di pekan itu bukan hak dia, hak kerajaan. Jadi, seolah-olah kerajaan menjadi hamba. Itu perangai yang memang tidak baik.

Kalau boleh, saya minta Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri beritahu kepada TV atau media massa, surat khabar tak guna, orang tak baca, keluarkan dalam TV sampai jemu dan jelak, tunjuk macam mana hisap rokok ke mana hendak buang, tunjukkan ke mana hendak buang sampah, macam budak sekolah. Rasa saya kita ini semua sudah tua, hendak balik ke budak, kerana perangai tidak berubah. Selagi perangai tidak berubah, macam mana Kuantan boleh bersih? Adakah orang Kuantan tidak hisap rokok, adakah orang Kuantan tidak makan dan tidak buang sampah? Tidak ada. Semua ini perangai semula jadi. Kalau boleh beri self-discipline, dengan izin, kita bersihkan diri sendiri, insya-Allah, kita boleh bersih.

Dari segi kuatkuasa, berapa banyak kita hendak letak penguatkuasa, denda-mendenda, tidak jalan. Daripada perangai itu mestilah perangai bersih. Selagi ada perangai pengotor, kotorlah bandar, negeri, termasuklah Selangor, Malaysia, kotorlah selama-lamanya. Ini saya minta keluar dalam TV tiap-tiap hari macam mana boleh kotor. Kalau gerai, berlapuk payungnya itu kalau dibasuh 10 minit, tetapi duit masuk banyak, hendak membersihkan tidak boleh, memang perangai macam itu, kena buat saya rasa. Kalau untuk membersihkan, panggil saya, saya beri free of charge, tidak payah gaji, saya boleh bantu. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya dok menunggu soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Saya minta beritahu TV, sama ada TV1, TV2 perluas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah tidak beritahu kepada TV, soalnya, bolehkah atau tidak?

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Bolehkah atau tidak? Kalau surat khabar orang malas baca. Kes rogol sahaja orang suka baca. *[Ketawa]* Kes ini orang tidak baca. Jadi, biarlah tengok gambar, kalau ada gambar mata orang akan memandang, kerana buat bukan satu minggu, berbulan, bertahun baru kita boleh bersih. Jika tidak, tidak boleh bersih. Itu sahaja.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kawan saya di Kementerian Penerangan dia kata boleh masuk televisyen. *[Ketawa]* Saya mengucap terima kasih atas saranan Yang Berhormat tadi, memang budaya pengotor ini adalah sumber asas daripada sikap manusia daripada rumah, daripada pendidikan dia sendiri. Saya pernah melihat seorang Ahli Exco membuang pulur jagung dalam longkang. Apabila saya bertanya, “kenapa Yang Berhormat buat demikian.” Dia kata, “sekejap lagi dia mari ambillah, bersihkan.”

**Seorang Ahli:** Di mana Yang Berhormat?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Di Perlislah ini. *[Ketawa]* Saya kata “Sepatutnya Exco menunjukkan teladan, bukan untuk membuat perkara-perkara begini.” Jadi, untuk penerangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seorang Perancis yang datang memanjat bangunan tinggi di Malaysia telah menunjukkan kepada seorang pemandu teksi, pemandu teksi hairan melihat perangai orang Perancis ini. Nampak sahaja rambutnya panjang seolah-olah dia pengotor, tetapi dia menghisap rokok, mancis yang dia bakar itu setelah dipadam, dia taruh dalam pouch di pinggangnya. Abu rokok dia taruh dalam pouch itu juga. Puntung rokok dia taruh dalam pouch itu juga, kertas coklat dia taruh dalam pouch itu juga. Apabila dia sampai ke tempat yang boleh dibuang sampah, dia buang. Ini budaya yang ditunjukkan oleh orang asing. Jadi, kita ingin kalau boleh mendidik masyarakat kita supaya sampai ke tahap itu. Terima kasih.

#### **UBAT TIRUAN - JENAMA UBAT DAN KESANNYA TERHADAP KESIHATAN**

10. **Tuan Charern Intachat** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) jenama ubat-ubat tiruan yang dapat dirampas oleh kementerian dan adakah ubat-ubat ini mengandungi bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan; dan
- (b) berapakah bilangan pembuat ubat-ubat tiruan ini dapat ditangkap dan didakwa di mahkamah dari bulan Januari 1995 hingga sekarang.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Ubat-ubat tiruan atau yang disyaki tiruan yang disita sehingga ini terdiri daripada ubat-ubat yang biasanya dijual dengan laris melalui kaunter sama ada di kedai-kedai ubat atau di kedai-kedai runcit. Ini termasuklah ubat demam, ubat batuk, ubat pening kepala dan ubat sapu dengan pelbagai jenama popular.

Dalam hubungan ini, saya berpendapat adalah tidak wajar untuk menyebut jenama ubat-ubat itu di Dewan yang mulia ini. Analisis yang dijalankan di atas ubat-ubat yang disyaki tiruan pada masa ini adalah setakat untuk mengenal pasti sama ada ianya tiruan atau sebaliknya sahaja.

Oleh itu, tidaklah dapat dipastikan sama ada ubat tiruan tersebut mengandungi bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan. Walau bagaimanapun, setiap ubat tiruan perlulah dianggap sebagai boleh membawa mudarat kerana pengeluarannya adalah secara haram tanpa mematuhi syarat-syarat ketat dan kawalan kualiti oleh pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan.

- (b) Bagi tempoh 1 Januari 1995 hingga 31 Julai 1997, kementerian ini telah mengambil tindakan kes ke atas 109 peniaga berkaitan pengedaran ubat-ubat tiruan dengan penyertaan ubat-ubat tiruan bernilai RM1,835,398.33. Pihak-pihak yang terbabit di dakwa ataupun dikenakan kompaun mengikut pertimbangan kes demi kes.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalaupun pihak kementerian tidak beritahu jenama ubat-ubat tiruan bagaimanakah rakyat hendak tahu ubat-ubat mana yang jenis tiruan? Itu soalan saya.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 11,700 jenis ubat terdapat di Kementerian Kesihatan. Lebih kurang 20 jenis ubat sahaja yang paling popular selalu ditirukan oleh peniaga-peniaga. Saya boleh sebutkan beberapa jenis, tetapi tidak payahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalnya adakah kementerian beri maklum kepada orang ramai nama ubat-ubat itu, itu kalau mengikut fahaman saya. Adakah tidak...

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, bukan itu.

**Datuk Tan Chai Ho:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada sudahlah, cukuplah.

**Datuk Tan Chai Ho:** Ada, tetapi tidak sempurna. Jadi,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada beritahu, sudah beritahu?

**Datuk Tan Chai Ho:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahkah siar dengan luasnya.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tidak. Kita melalui seminar, melalui pameran dan cara-cara lain. Ada beberapa jenis yang popular seperti apa yang dikatakan di sini, Panadol, ubat batuk Vicks, antibiotic, Eye-Mo dan lain-lain. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Yeow Seng Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan?

**Datuk Tan Chai Ho:** Cukuplah.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kata ubat yang berdaftar. Adakah ubat-ubat Cina tiruan, misalnya 'Along', sekarang saya beri satu nama 'Poh Cai'. 'Poh Cai' adalah sejenis ubat untuk menahan ceret-beret, untuk orang ramai gunapakai di kampung-kampung. Adakah 'Poh Cai' ini ubat tiruan?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian ini belumlah mengesan ada ubat yang disebutkan oleh Yang Berhormat ada tiruan. Kalau ada, minta Yang Berhormat beri butir-butir kepada kementerian ini, saya beri jaminan kementerian ini akan mengambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.11 hingga 51 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[13 Ogos 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sila sambung ucapan.

**3.39 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya ingin menyambung perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh tentang kemenangan Barisan Nasional di kawasan pilihan raya kecil Semerak. Sekarang ini saya ingin menyentuh tentang

Dewan Negara kita ini. Dewan Negara kita ini mempunyai dua orang senator dari PAS. Semalam saya pernah mengatakan bahawa berdasarkan kepada prinsip demokrasi, saya sendiri sambut senator dari PAS. Tetapi saya harap semoga senator-senator dari PAS itu memberi teguran ataupun cadangan yang membina dalam Dewan Negara kita ini. Jangan mengeliru Dewan Negara kita ini.

Sekarang dalam Dewan Negara ada opposition, dua orang pembangkang, ini betul. Dalam Dewan Negara ataupun mesyuarat Dewan Negara pada hemat saya, saya anggap parti yang memerintah dan parti pembangkang. Tetapi di luar kita anggap sebagai sahabat ataupun saudara, boleh panggil saya saudara. Bila berbahas saya panggil saudari. Kalau panggil saya abang, saya tidak dapat tidurlah.

*[Ketawa]*

Semalam Datuk Hashim Safin minta laluan, adakah beliau dalam Dewan ini, saya janji akan beri laluan. Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak nampak sahaja. Dia tidak nampak sebab dia sebelah kiri. Kalau depan dia nampak.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh, Kelantan. Semalam saya ada beri laluan Kelantan. Saya ada beri Senator Hajah Jamilah, dia kata mahu tengok. Tidak mengapa, saya murah beri laluan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dia minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Sekarang minta laluan. Semalam dia kata tengok, hari ini hendak cakap.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat laluan. Terima kasih, Yang Berhormat. Semalam saya beri jawapan disebabkan Yang Berhormat menyatakan pilihan raya yang akan datang Barisan Nasional akan mendapat kembali Kelantan. Jadi, saya menjawab, tengok dan tunggulah masanya. Sudah clear. Jadi, setakat ini saya hendak bertanya balik kepada Yang Berhormat, sepanjang persidangan ini, pandangan-pandangan kami adakah yang mengelirukan bagi pihak Yang Berhormat? Itu sahaja. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, ada yang mengelirukan saya ataupun mengelirukan Dewan ini ada atau tidak, ini pandangan masing-masing. Ucapannya adakala yang ada, adakala tidak ada. Macam Peguam Negara, Yang Berhormat mengatakan rakyat jelata sudah hilang

keyakinan kepada Peguam Negara. Saya mengatakan saya tidak setuju tentang pandangan ini, oleh kerana Peguam Negara menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama dan dengan semangat yang bertanggungjawab. Itu sahaja, saya belum habis jawab lagi.

Tentang tunggu hendak tengok bila Barisan Nasional akan berkuasa akan pulang ke Kelantan. Pada hemat saya lagi dua-tiga tahun akan pulang ke Kelantan. Di Kelantan akan adakan 'dacing'. Dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan saya tanya berapa serius rasuah di Kelantan. Beliau mengatakan, "Sebab Kelantan tidak ada dacing, susah hendak timbang." *[Ketawa]* Tidak lama lagi akan ada dacing, senang hendak timbang.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ada apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkan sedikit ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Pendekkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada orang lain juga.

**Tuan Yim Chee Chong:** Mungkin ucapan saya hari ini ramai gangguan dan laluan, saya minta panjang sedikit. *[Ketawa]* Oleh kerana rasuah ini adalah satu rang undang-undang yang sangat mustahak, akan kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tahu ada kawan-kawan yang minta laluan. Sebelum ini, tadi saya ada jumpa Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, dia kata "saya mahu tanya dalam Dewan tentang rasuah, tentang mahkamah, tentang penagih dadah."

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Bangun juga, saya belum sampai mengenai dadah dan rasuah itu.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih sahabat saya. Yang Berhormat, saya ingin meminta penjelasan ataupun pandangan Ahli Yang Berhormat terhadap isu kes-kes jenayah yang bersangkutan

oleh Peguam Negara atau prosecution yang telah dibuangkan oleh mahkamah kerana tidak mencukupi bukti-bukti yang kukuh atau bukti-bukti yang tidak jelas.

Oleh kerana itu, penjenayah-penjenayah yang sebenar dibebaskan, adakah ini kerana pihak Peguam Negara gagal menyediakan kes-kes ini dengan cukup bukti-bukti yang kukuh atau pihak 'defence' semakin cekap atau kerana sebab-sebab yang lain? Harap Ahli Yang Berhormat dapat komen sedikit tentang perkara ini sebab Ahli Yang Berhormat seorang lawyer yang pandai!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hari ini kita khas membincangkan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah, hal mahkamah tidak usah campur lagilah ya. Yang Berhormat tidak usah jawablah.

**Tuan N. Marimuthu:** Saya tarik balik!

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada bercakap tentang rasuah, sekarang tidak ada sebut. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, minta dia tarik baliklah. Tak sempat saya jawablah, lain kalilah ya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab di luarlah kemudian.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh, di luar kemudian, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di kantin boleh!

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh, di kantin boleh, minta dia belanjalah.

*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Ogos ini negara kita akan menyambut Hari Kemerdekaan bagi ulang tahun yang ke-40. Saya berdoa semoga negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, negara kita ini akan terus aman dan damai, terus maju dan makmur dan terus menghapuskan rasuah, membersihkan negara kita daripada sampah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pada dua hari yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bila beliau mengemukakan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997, beliau pernah menyebut 'Huang Ang Tse'. 'Huang Ang Tse' adalah seorang ahli politik China dan beliau pernah memegang jawatan Perdana Menteri di Dinasti Sung iaitu lebih kurang pada 1,000 tahun dahulu di 976 tahun dahulu.

Hari ini saya ingin menyatakan, ini adalah berkaitan dengan rasuah, orang yang bersih dan tidak makan suap. Orang yang pertama dari Negeri China, saya ingin menyebut Dr. Sun Yat Seng. Dr. Sun Yat Seng adalah seorang bapa negara China. Beliau dilahirkan pada tahun 1865 dan meninggal dunia pada tahun 1925. Beliau adalah seorang doktor, beliau sesudah lulus peperiksaan menjadi seorang doktor, seumur hidup beliau melibatkan diri dalam Revolusi China untuk menggulingkan Kerajaan Manchu yang mereka

anggap bangsa asing yang memerintah Negeri China, telah mengalami banyak kekalahan di dalam revolusi secara bersenjata.

Akhirnya pada tahun 1911, beliau telah berjaya untuk menggulingkan Kerajaan Manchu dan menegakkan sebuah negara yang bernama Republic of China. Beliau adalah seorang bapa negeri China. Beliau adalah seorang pemimpin Negeri China. Bila beliau meninggal dunia, ramai orang sangka, beliau mempunyai harta benda yang begitu banyak, berjuta-juta ringgit wang China, tetapi setelah disiasat, beliau tidak ada apa harta benda, tiada wang, cuma sebuah rumah kediaman sahaja untuk isterinya. Ini adalah membuktikan seseorang pemimpin negara yang bersih, cekap dan beramanah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, kita ada menyaksikan dalam TV iaitu tayangan gambar 'Justice Bao', orang China panggilnya 'Bao Kung'. Seorang tuan hakim di dalam Dinasti Sung, lebih kurang 1,000 tahun dahulu di Negeri China, beliau adalah seorang hakim yang adil dan saksama.

Dalam buku China ada sebanyak 72 kes yang dibicarakan dan dijatuhkan hukuman oleh Justice Bao, beliau sehingga hari ini orang China menganggap 'Bao Kung' ini, Justice Bao adalah seorang yang bersih, yang melawan dengan rasuah, beliau sebelum meninggal dunia, beliau memberi amaran kepada anak cucunya, kalau sesiapa anak cucunya yang melakukan kesalahan rasuah akan dihalau dari rumahnya.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada seorang ahli politik yang terkenal dalam sejarah China iaitu Kung Meng. Kung Meng adalah seorang Perdana Menteri bagi Dinasti Han. Beliau adalah seorang yang pandai siasah perang. Dalam buku China ada [*bercakap dalam bahasa Tionghua*], iaitu siasah perang yang ditulis oleh Shen Tse dan juga ada siasah perang yang ditulis oleh Kung Meng. Kung Meng sebelum beliau melantik seorang laksamana dalam tenteranya, beliau cuba menentukan orang itu memang bersih atau tidak, rasuah atau tidak, jadi, sentiasa dia cuba memberi wang orang-orang itu. Kalau orang itu tidak menerima wang, tidak menerima harta benda membuktikan orang itu bersih dan tidak rasuah, maka orang itu akan dilantik sebagai laksamana di dalam tenteranya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 adalah kali pertama sesudah kemerdekaan negara kita ini membincang, kita anggap rasuah ini adalah satu masalah yang serius, pemimpin-pemimpin negara kita adalah berhasrat untuk menghapuskan rasuah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya tentang Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, saya ada beberapa pandangan tentang seksyen-seksyen yang tertentu.

Pertama, Seksyen 38(1) muka surat 49. ‘Perlucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan.’ Kalau tidak ada dibicara dan tidak ada didakwa di mahkamah, macam mana kita boleh berpuas hati bahawa harta itu

yang diperolehi hasil daripada atau berkaitan dengan sesuatu kesalahan rasuah. Pada hemat saya apa sahaja rampasan tanah dan harta benda harus dibicarakan dan dituduh di mahkamah. Kalau tidak dituduh di mahkamah, orang itu adalah tidak bersalah.

Jadi, kes ini adalah serius untuk merampas harta, jadi, seseorang Orang Yang Kena Tuduh (OKT) ataupun tertuduh itu harus dibicarakan di mahkamah dan membuktikan beliau melakukan kesalahan ini kemudian kita rampas hartanya yang berkaitan dengan rasuah itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 24(1) adalah berkenaan dengan seseorang pegawai Badan yang berkuasa untuk memeriksa premis mengambil dokumen dan barang yang lain. Mengikut seksyen ini adalah seseorang pegawai Badan pada hemat saya adalah tidak begitu sesuai kerana mengikut tafsirannya tentang pegawai Badan. Kita harus merujuk kepada muka surat 8, ‘pegawai Badan’ termasuklah Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 4(1).

‘Pegawai badan awam’ ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota pegawai, pekerja atau pengkhidmat sesuatu badan awam, menjadi anggota-anggota sahaja ataupun pegawai ataupun pekerja sahaja pun berkuasa untuk memeriksa dan mengambil dokumen-dokumen berkenaan.

Mengikut pandangan saya, orang yang berkuasa untuk memeriksa adalah pegawai tinggi, ‘must be a high ranking officer’ ataupun ‘senior officer

of the agency'. Di UK semasa saya menuntut undang-undang di sana tentang kuasa memeriksa premises adalah dilakukan oleh high ranking officer, dengan izin, bukan dengan pegawai badan sahaja. Pekerja anggota pun boleh berhak berkuasa memeriksa premises dan mengambil dokumen-dokumen berkenaan. Jadi, pada hemat saya ini tidak begitu sesuai, yang sesuai adalah high ranking officer atau senior officer of the agency itu, dengan izin.

Selain daripada itu, saya ingin merujuk Seksyen 24(1)(c) 'menahan' seseorang, berapa lama akan ditahan seseorang itu, tidak ada di sebut di dalam rang undang-undang ini. Tetapi, kalau mengikut Criminal Procedure Code (CPC) negara kita, Seksyen 117, bahawa kalau seseorang yang ditahan itu pihak polis dalam 24 jam belum selesai penyiasatannya, maka akan dibawa ke Mahkamah Majistret. Minta kebenaran dari mahkamah untuk menahan selama tidak lebih daripada 15 hari untuk siasatan lanjut. Jadi, saya harap menahan orang itu akan dapat ditegaskan berapa lama orang itu akan ditahan untuk penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh Seksyen 22(4). Seksyen 22(4) adalah sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehingga orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas sesuatu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang yang menentang seksyen ini. Ada orang yang mempunyai niat jahat, ingin merendahkan imej seseorang dengan sengaja melapor kepada BPR supaya dapat merendahkan imej orang-orang itu dalam masyarakat kita. Kalau ada orang yang macam itu dengan niat jahat itu, apakah tindakan yang kerajaan akan ambil terhadapnya?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mencetak buku ataupun garis panduan kepada semua rakyat dalam negara kita ini, apa kesalahan yang amount to corruption, dengan izin, apa yang tidak

amount to corruption. Saya pun sentiasa menolong orang di mahkamah dengan percuma, tidak kenal pun saya selalu menolong mereka. Adakala mereka bawa durian, saya pun tidak tahu mereka bawa ke rumah, emak kata orang bawa durian. Adakah menerima durian itu rasuah atau tidak, ada juga kadang-kadang di Tahun Baru Cina bawa ayam, beri mak, dia kata untuk Yim, bila saya tanya siapa bawa, dia pun tidak tahu. Saya minta emak lepaskan ayam itu. Yang itu amounting to corruption atau tidak?

Jadi, kerajaan harus dengan jelasnya menunjukkan apa cara yang rasuah, kalau tidak orang yang tidak ada niat hendak melakukan rasuah tetapi pihak polis atau pihak Pendakwa Raya kata ini rasuah, ini makan suap, pada hal orang itu tidak mempunyai niat. Jadi, kerajaan harus beri risalah kepada semua orang, menjelaskan akan hal ini.

Selain daripada itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan poster-poster di seluruh negara menyuruh orang menjauhkan diri daripada rasuah dan mengadakan ceramah, dialog, seminar di seluruh negara dan mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan peringkat daerah, peringkat negeri dan peringkat kebangsaan. Memberi amaran kepada semua kakitangan kerajaan supaya menjauhkan diri daripada rasuah. Pelancong-pelancong juga kita harus menyediakan risalah kita di lapangan terbang antarabangsa, memperingatkan pelancong jangan melakukan kesalahan rasuah di negara kita ini, oleh kerana memberi wang ataupun penerima wang pun sama-sama dibawa ke mahkamah juga.

*[Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masuk ke Dewan]*

Apa khabar, Dato' Seri Anwar Ibrahim? Lama tidak jumpa TPM kita! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak boleh jawab.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak apa, nanti saya beri laluan boleh jawablah. *[Ketawa]* Sudah sampai mana, saya sudah lupa. *[Ketawa]* Jadi, bila saya jumpa TPM kita sudah lupa apa yang saya cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dulu emak saya jadi seorang pelancong 20 tahun dahulu ke negeri China. Bila melalui kastam, pegawai kastam kata ini kena tax, ini kena cukai, itu kena cukai tetapi dalam beg emak saya ada sebuah buku Dr. Sun Yet Seng yang dikarang dan diterjemahkan oleh saya dalam bahasa Melayu dan Cina. Pegawai kastam itu baca-baca, sangat menarik buku itu, emak saya kata, okay, you ambillah. Kemudian pegawai itu kata tidak apa you jalan, tidak payah tax. Oleh yang demikian

pelancong-pelancong kita harus diperingatkan supaya jangan melakukan kesalahan rasuah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai sahabat-sahabat saya akan mengambil bahagian dalam perbahasan ini, maka saya pun tidak bercakap dengan panjang. Mungkin TPM kita pun hendak, *[Disampuk]* ha? Tak nak jawab, jadi saya ingin meringkaskan ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya berdoa semoga negara kita ini akan terus maju dan makmur untuk menyambut kemerdekaan negara kita bagi ulang tahun yang ke-40. Rakyat jelata di negara kita ini akan sokong rang undang-undang ini. Sekianlah sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Zaleha.

#### **4.06 ptg.**

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan satu rang undang-undang mengenai pindaan Akta Pencegahan Rasuah.

Sebenarnya saya merasa bangga dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana keprihatinan kerajaan kita yang mana dengan bersungguh-sungguh untuk jihad membasmi kemungkaran. Ini adalah ciri-ciri kerajaan Islam yang berteraskan Al-Quran yang mana Yang Berhormat daripada PAS iaitu Saudari Jamilah mengatakan bahawa ingin mencari sebuah kerajaan yang berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Pada saya dengan adanya pindaan mengenai Akta Pencegahan Rasuah ini, ini adalah suatu cara Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Malaysia ini benar-benar mempunyai niat yang begitu ikhlas dalam melaksanakan pembasmian kemungkaran di kalangan rakyat dan masyarakat Malaysia ini.

Bertepatan dengan kehendak Allah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* iaitulah “kita adalah sebaik-baik Ummah yang dilahirkan untuk menyeru ke arah kebaikan dan menghalang ataupun melarang ke arah kemungkaran” dan inilah landasan yang dikehendaki oleh Islam, yang dikehendaki oleh Al-Quran, yang dikehendaki oleh Hadis dan khulafa'-khulafa' Ul-Rashidin dan tidak benar kalau Yang Berhormat daripada PAS mengatakan bahawa secara

tiba-tiba - saya amat terkilan sudah beberapa hari saya menunggu untuk menyatakan ini di Dewan yang mulia ini seolah-olahnya kita mengadakan pindaan Akta Pencegahan Rasuah ini hanyalah merupakan satu keadaan yang 'tersepak' sahaja. Suatu keadaan yang hanya sebagai tiba-tiba sahaja sedangkan akta mengenai pindaan pencegahan rasuah ini sudah dirancang oleh kerajaan dengan begitu tersusun sekali.

Di samping itu, pindaan ini sudah berlaku pada tahun 1971 yang lalu, ertinya kerajaan melihat dengan secara meneliti dengan secara terperinci kepada apa yang sedang berlaku dalam masyarakat kini. Hasil daripada keikhlasan dan kemurnian kerajaan yang telah memerintah negara ini dalam melihat masyarakat di negara ini bersih daripada jenayah rasuah, maka pada saya kerajaan kita bukan hanya bagus dari segi teori tetapi kerajaan berjaya dalam segi mengimplementasikan apa yang dikatakannya. Tidak hanya teori hendak membangunkan Islam, hendak menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai landasan pemerintahan, hanya sebagai perhiasan di sepanduk-sepanduk membangun bersama Islam dan sebagainya tetapi kerajaan melaksanakannya. Saya amat berasa bangga dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan. Rasuah ini bukan hanya dilihat kepada pegawai-pegawai di jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan ataupun pegawai-pegawai rendah ataupun mereka yang berada di bawahan. Malah, kerajaan dengan secara tegas mengenakan hukuman rasuah ini kepada menteri besar, exco, menteri dan siapa sahaja yang melakukan. Ini bertepatan dengan kehendak Al-Quran, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] - mana Yang Berhormat PAS ini tidak ada ini? [*Disampuk*] Dok di luar? "Apabila kita menghukum, hukumlah dengan penuh keadilan".

Ertinya kerajaan kita adil, bukan hanya melihat mereka yang di bawah, bukan hanya melihat ikan bilis, ikan besar, ikan jerung semuanya kena dihukum [*membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Ini kehendak Al-Quran, tidak macam Kerajaan Kelantan, kena tangkap satu sama satu pun masih boleh, tidak ada apa! Ini masalahnya keadilan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan Islam.

Saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam melaksanakan pembasmian jenayah rasuah di kalangan masyarakat ini adalah berjaya dan dalam keadaan itu kerajaan memang menghadapi beberapa permasalahan yang tidak dapat dielakkan.

Yang kedua, dalam jangka masa yang panjang, untuk membersihkan dan mengubat penyakit rasuah ini di kalangan masyarakat amatlah sukar. Ia perlu diterapkan daripada peringkat rendah, daripada kanak-kanak, daripada peringkat rendah sampailah ke institusi pengajian tinggi. Mereka hendaklah diberi penerapan melalui Kementerian Pendidikan menerusi pelajaran pendidikan moral dan agama, di samping itu kerajaan juga harus memberi penerapan melalui pendidikan ini secara yang benar-benar menampakkan bahawa rasuah ini adalah sebagai satu najis yang amat menjijikkan.

Di samping itu, kerajaan mahupun swasta, saya menyarankan supaya memperkenalkan sesi 'brain washing' iaitu dalam sistem latihan kepada setiap kakitangan lebih-lebih lagi di peringkat kanan supaya bersih ataupun supaya mereka merasakan benar-benar rasuah ini sebagai satu sifat yang amat buruk, jijik dan najis yang sepatutnya ia tidak boleh didekati. Maka, dalam masa modul-modul latihan, mereka hendaklah diterapkan supaya mereka benar-benar merasa bertanggungjawab untuk mengelakkan diri mereka dari terjebak ke dalam jenayah yang amat besar ini.

Di samping itu juga, saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini iaitu yang ketiganya, mengenai timbunan kuasa. Kadang-kadang rasuah berlaku kerana penimbunan kuasa. Seseorang yang memegang kuasa yang agak lebih, kadang-kadang ia boleh menimbulkan rasa kurang ingat kepada apa yang sebenarnya ataupun mereka akan dikerumuni oleh orang-orang yang berkepentingan diri dan sebagainya. Oleh itu, saya menyarankan supaya penimbunan kuasa ataupun kuasa-kuasa yang terlalu besar ini dapat diperkecilkan sedikit saiznya untuk mengurangkan mereka yang bersifat 'bodek-bodek' ini ataupun yang 'mengelilingi pinggang' dan sebagainya. Untuk mengelakkan ini perkecilkan saiz kuasa dan timbunan kuasa ini diperkurangkan.

Yang keempat, saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini mengenai rasuah ini bukan hanya terlibat di jabatan kerajaan, agensi-agensi, di dalam korporat ataupun di mana-mana sahaja. Apa yang saya ingin menyebut di sini mengenai ada juga yang berlaku, bagaimana dan cara manakah dapat dilaksanakan oleh kerajaan dan apakah kerajaan sudah ada perancangan untuk melihat secara langsung, ada juga berlaku yang dinamakan juga rasuah iaitu penulis-penulis upahan di dalam akhbar-akhbar dan sebagainya. Mereka diberi sedikit-sedikit upahan, mereka menulis kepada siapa yang mereka merasakan perlu ditulis untuk menjatuhkan seorang pemimpin ataupun siapa sahaja yang mereka melihat boleh dijatuhkan melalui tulisan tinta mereka dengan upahan-upahan yang diberi.

Saya mencadangkan di sini supaya pihak kerajaan bukan hanya melihat sahaja kepada jabatan-jabatan kerajaan, kepada korporat ataupun kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi kepada bidang kewartawanan, kepada bidang media massa juga perlu dilihat. Saya ingin menyentuh begini kerana saya melihat pada masa kini kadang-kadang bila kita membaca beberapa berita yang keluar amat menyedihkan.

Pada hari ini dalam *Berita Harian* misalnya, secara langsung menulis tentang kemenangan di Semerak tetapi menulis kononnya kemenangan di Semerak itu tidak dibanggakan, kononnya Dewan Muslimat PAS lebih bertenaga, lebih berupaya, lebih dapat menawan hati pengundi dan kononnya bagaimana tentang wanita UMNO dan sebagainya. Maka pada saya, apabila sudah mencapai kemenangan di Semerak, mengapa ini dipertikaikan. Dan banyak lagi contoh, bukan sahaja kepada diri saya, kepada orang lain, kepada pemimpin lain. Mereka telah menggunakan tinta mereka dengan upahan-upahan yang tertentu. Pada saya, ini juga boleh dinamakan rasuah yang perlu diteliti dengan sebaik-baiknya.

Saya ingin menyatakan juga, dalam soal ini bagi mereka yang membuat penulisan walaupun mereka diberi upahan, walaupun mereka diberi sanjungan dan sebagainya tetapi jangan lupa, dengan izin, [*membaca ayat al-Quran*] bermaksud: 'Akan berkatalah tangan-tangan mereka yang menulis tinta itu, akan dipersaksikanlah kaki-kaki mereka di atas apa yang telah mereka lakukan'. Ini perlu dilihat oleh mereka yang telah pun melaksanakan kerja-kerja yang seperti ini sebagai suatu keadaan yang boleh menyebabkan kita melakukan sesuatu kemungkaran.

Dalam masalah ini juga, saya ingin menyatakan mengenai surat-surat layang. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pada masa ini seolah-olah kita melihat dalam soal rasuah tetapi bagaimana pula dalam soal penaburan fitnah mengenai surat-surat layang ini. Adakah kita sekarang ini sudah melihat surat layang itu sebagai suatu budaya yang tidak boleh kita pisahkan daripada penghidupan dalam negara ini sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun sudah terima satu surat layang, Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman misalnya, dan banyak lagi mereka yang telah menulis surat layang ini kepada semua di seluruh negara, kerana kita sekarang ini tidak ada suatu peruntukan khusus mengenai surat layang ini.

Kalaulah kita membuat suatu akta yang khusus untuk memberi tindakan yang sewajarnya kepada mereka ini, tidak mungkin mereka ini tidak dapat dikesan, siapakah yang bertanggungjawab di sebalik surat-surat layang yang sedang diedarkan di seluruh negara. Pada saya, surat layang ini sudah merupakan suatu permainan di dalam penghidupan di negara kita ini yang sudah lama, yang sudah menjadi kronik yang bertapak, yang pada saya perlu ianya dikikis melalui apa perancangan yang perlu dilakukan oleh kerajaan.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan secara detail daripada jabatan, daripada kementerian mengenai definisi rasuah. Sukar untuk difahami mengenai definisi rasuah ini, mengenai pentafsirannya. Pelbagai pentafsiran dilakukan, bahkan pada saya, pentafsiran mengenai rasuah ini tidak didedahkan secara terperinci kepada masyarakat umum. Definisi rasuah ini ada yang berkata, kalau dipersalahkan masalah pangkat ataupun dipergunakan wang, benda dan sebagainya.

Saya lihat dalam pilihan raya yang sedang berlaku di Semarak baru-baru ini. Terfikir di fikiran saya dan untuk menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa penggunaan ayat-ayat Quran, penggunaan Hadis, penggunaan agama dalam kempen pilihan raya untuk menarik pengundi juga perlu didefinisikan sebagai rasuah - rasuah pilihan raya. Sebab kalau beri duit, itu nampak, itu jelas rasuah kerana hendak dapatkan pancing undi. Bagaimana kalau dia menjual al-Quran, membaca surah al-Quran, menulis al-Quran di tepi-tepi pintu gerbang mereka, itu juga berniat untuk pancing undi dan ini perlu dilihat sebagai rasuah dalam pilihan raya. Definisi rasuah ini perlulah diberi penekanan ataupun diperluaskan pentafsirannya supaya ia difahami oleh masyarakat di setiap lapisan.

Mengenai dengan kaitan ini juga, saya ingin menyatakan bahawa kempen mengenai antirasuah ini tidak begitu tersebar luas. Kalau hendak dibandingkan dengan kempen antidadah, kempen anti-AIDS, kempen antinyamuk Aedes dan sebagainya, kempen antirasuah ini pada saya tidak begitu meluas. Ia hanya dilihat di jabatan-jabatan, di beberapa tempat tertentu, tetapi ia perlu diberi suatu kempen yang secara meluas dan ada kesungguhan sebagaimana kita boleh memberi kempen antirokok dan sebagainya. Kempen antirasuah ini lebih-lebih lagi perlu diambil tindakan secara serius oleh kerajaan kerana ia merupakan jenayah yang merupakan barah yang boleh menghancurkan negara, masyarakat dan bangsa.

Di samping itu, saya memohon kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada pihak kementerian supaya mereka yang telah dikenakan hukuman rasuah ini disenaraikan kepada umum supaya bukan sahaja mereka tetapi keluarga mereka juga, supaya mereka tidak akan dapat keistimewaan-keistimewaan lain setelah mereka dikenakan hukuman. Apabila nama mereka telah disenaraikan, kita dapat mengelakkan mereka ini daripada diambil kembali oleh pihak-pihak swasta dalam menyambung tugas-tugas mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, semalam telah menyebut mengenai apabila seseorang yang telah dikenakan rasuah, maka janganlah sama sekali kita menyebarkan ianya ke media massa sebelum ianya dijatuhkan hukuman kerana ini boleh menjatuh dan menghina ataupun merendahkan moral dan imej seseorang, terutama bagi mereka yang mempunyai kedudukan-kedudukan yang baik. Apabila mereka telah pun disebut terlibat dalam rasuah ini disebar dalam media massa, maka ia boleh merosakkan imej para individu yang tersebut. Jadi, kalau boleh perkara-perkara ini biarlah mereka dijatuhkan hukuman, barulah kita dapat menyebarkan nama mereka sebagai pesalah yang telah dihukum dan ini boleh mengelakkan daripada menghina secara individu.

Itulah lima perkara yang hendak saya sebutkan di Dewan yang mulia ini dalam membahas pindaan akta rasuah. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**4.23 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya menyatukan undang-undang rasuah yang ada bagi membuat undang-undang baru. Diharapkan ianya lebih berkesan bagi mengatasi perbuatan rasuah yang amat jijik ini. Bersama-samalah kita mengikutinya nanti.

Kegiatan rasuah wujud ekoran budaya menyatakan terima kasih dengan memberi hadiah yang berlaku sejak.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** .....sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang berdiri sekarang ini, saya memberi laluan.

*[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada ayahanda saya, dia berdebatkah atau membaca? Kita hendak tahu sedikit. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya berdebat, saya membaca, saya mengambil nota, semua sekali saya buat. Kalau saya baca nanti dengan tidak berjenaka sedikit, Yang Berhormat Datuk Nazri akan mengantuk. Oleh itu, saya akan berjenaka apabila sampai masanya, tetapi saya segan sebab boss nombor dua ada di sini pada petang ini. *[Ketawa] [sambil memandang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]*

Kegiatan rasuah wujudnya ekoran budaya, yang saya kata tadi, menyatakan terima kasih. Disebabkan saya membaca, Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke pangkal semula, disebabkan gangguan daripada Yang Berhormat Datuk Nazri.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nazri dalam ucapan pembentangannya, kejatuhan kesultanan Melaka ke tangan Portugis dikatakan berpunca daripada sogokan wang dan hadiah oleh tentera-tentera Portugis yang tertentu kepada pegawai-pegawai tertentu yang bertugas di istana Sultan Melaka. Dalam pentadbiran British pada 1871 telah wujud undang-undang rasuah, memberi hadiah dan penerimaan hadiah disifatkan satu kesalahan undang-undang dalam Kanun Keseksaan 1871, FMS Penal Code Cap. 45.

Sejarah untuk memerangi rasuah berbentuk institusi bermula pada tahun 1959 dengan adanya Unit Jenayah Khas dalam Jabatan Polis. Ini diikuti pada tahun 1967 dengan adanya satu badan yang dianggotai tiga agensi berlainan yang telah digabungkan sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Pada tahun 1973 ianya ditukar nama pula kepada Biro Siasatan Negara, tetapi pada tahun 1982 BSN telah ditukar kembali kepada nama asalnya iaitu Badan Pencegah Rasuah, sampailah sekarang ini yang mempunyai undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR), saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menukar sekali lagi nama ini kepada Badan Membanteras Rasuah, disebabkan

pencegah ini menunjukkan bahawa kita hendak cegah sahaja rasuah ini, kita tidak hendak banteras sampai habis-habisan, seperti mencegah, dengan izin, prevention of corruption, jadi, macam tidak ada cara lain. Kita hendak banteras, maknanya kita hapuskan semua sekali. Kita cegah, kita banteras, kita hukum, semua meliputi perkataan itu. Sepertimana yang kita dapati dalam Huraian 2, undang-undang yang ada ini tidak berkesan iaitu Huraian 2, muka surat 66 dalam rang undang-undang yang kita hendak luluskan nanti, insya-Allah.

Sejak merdeka pada tahun 1957, Malaysia kita berpegang pada prinsip pemerintahan berdasarkan undang-undang. Ini terkandung dalam Perlembagaan dan Rukun Negara kita. Dengan kita mempraktikkan prinsip ini, rakyat jelata boleh mengharapkan pembelaan dan perlindungan dari sistem undang-undang. Dengan adanya pemerintahan undang-undang yang adil, bermakna mereka yang berkuasa dan berpengaruh tidak terkecuali daripada hukuman. Kerajaan pernah memenjarakan atau mengenakan hukuman terhadap beberapa pemimpin negeri dan juga Persekutuan. Kini wujud satu suasana politik di mana kerajaan tidak dapat mengeneipkan lunas-lunas akauntabiliti ataupun tanggungjawab. Barisan Nasional semenjak tahun 1957 telah dapat memenangi 9 pilihan raya, dengan ini rakyat dapat memilih kerajaan yang membenarkan rakyat membuat keputusan secara langsung atau tidak langsung dalam proses pemerintahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang dipilih oleh rakyat pada hari ini berpendapat patut diwujudkan undang-undang rasuah yang lebih berkesan lagi untuk kebaikan rakyat membanteras rasuah. Badan Pembanteras Rasuah, dengan izin, harus memberi sumbangan dan kerjasama yang berterusan ke arah membanteras gejala rasuah ini. Bangsa Melayu yang rata-rata beragama Islam harus menghayati ajaran agama Islam sebagai senjata yang kebal untuk memerangi rasuah. Kita tahu yang Allah subhanahu wata'ala tahu apa yang kita lakukan, walaupun kita lakukan di dalam bilik mandi sekalipun. Tugas dan tanggungjawab kita lakukan di pejabat dan di mana-mana sahaja.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Hanipah meminta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Kita bahas perkara rasuah. Apakah perbuatan rasuah yang biasa Yang Berhormat lakukan dalam bilik mandi? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Laluan ini bagus juga. Dia beri saya peluang untuk saya rehat sekejap. Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan dalam bilik mandi, kalau dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua mengapa saya sebut begini. Sebab Tuhan tahu semua yang kita buat. Di dalam bilik mandi biasanya, dengan izin, Yang Berhormat Tuan

Hanipah, kalau dia mandi dia tidak memakai kain basahan. Kain basahan maknanya, kain untuk menudung. Kalau kaum wanita kalau dia tidak menggunakan kain basahan kadang-kadang. Jadi, Allah S.W.T.....

**Seorang Ahli:** Bila Yang Berhormat tengok?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya tidak tengok, tetapi ini kebiasaan berlaku. *[Ketawa]* Jadi, tempat lain saya tidak tahu macam mana hendak buat kiasan. Yang saya boleh buat kiasan ialah di dalam jamban dan tempat mandi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan. Adakah perbuatan Yang Berhormat itu sama dengan perbuatan saya dalam bilik air semasa mandi?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana dia dalam bilik air, saya tahu dalam bilik air saya sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sedikit sebabnya kementerian hendak menjawab pukul 5.30. Ucapan saya ini sampai dua jam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak tahu kalau misalan hendak dipendekkan, ada tempat lagi saya boleh pendekkan, kalau saya hendak panjang, saya hendak sebut bagaimana rasuah ini timbul, bagaimana hendak mengatasi rasuah ini. Jadi, banyak lagilah sepertimana yang saya tahu. Kalau ramai sangat hendak bercakap, saya akan pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Seorang Ahli:** Hilang.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bukan hilang. Saya hendak mengambil.....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Dah! seorang lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Oleh kerana rang undang-undang ini adalah amat penting bagi negara kita. Jadi, saya harap Dato' Zuki akan dapat panjangkan perbahasan itu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih sahabat. Dipanjangkan umur lebih baik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab yang kita lakukan di pejabat dan di mana-mana sahaja merupakan satu ibadah. Apabila pekerjaan dianggap ibadah, maka bentuk pemikiran kita

berubah menjadi lebih bertanggungjawab, lebih serius, riang, tidak marah-marah dan sentiasa hendak bekerja lebih daripada apa yang patut dibuat semuanya kerana Allah S.W.T. Kita rakyat Malaysia perlu menyemai di dalam sanubari bahawa rasuah mesti dipandang sebagai suatu yang amat serius, sama seperti serius ancaman komunis dahulu, serius pertelingkahan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969, serius macam penagihan dadah, sekarang ini pula serius termasuklah merogol anak sendiri. Kita mesti banteras ini semuanya. Jika kita tidak membanteras gejala ini, padahnya mengakibatkan kehancuran bangsa. Rakyat Malaysia dan negara kita tidak akan mencapai impian untuk menjadikan bangsa yang maju, negara yang berdaulat menjelang tahun 2000 seperti yang diinginkan dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Hussein Onn pernah berkata, “Selain kemiskinan dan komunis, rasuah adalah satu musuh negara yang sedang kita hadapi.” Itu semasa Tun Hussein masih hidup lagi. Sekarang masih lagi saya terbaca ayat yang diperkatakan oleh Allahyarham ini. Dikatakan pula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang saya sangat hormati, Yang Amat Berhormat pernah berkata dalam Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur pada 8.11.1991. Dengan izin, “Menerima sedikit rasuah mungkin dianggap perkara ringan, tetapi percayalah kesan buruk rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besar jumlahnya. Jika rasuah dalam berbagai-bagai bentuk sudah menjadi tabiat, lambat-laun bangsa akan lumpuh. Jika kita ingin menjadi bangsa yang mulia, bermaruah dan berjaya, elakkanlah diri daripada apa jua jenis rasuah termasuk penyalahgunaan kuasa mengundi, sogokan wang dan sokongan. Rasuah adalah kotor dan jijik dan akan membawa kecelakaan kepada bangsa, agama dan negara.” Inilah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang diucapkan pada tahun 1991 lagi. Sekarang tahun 1997, sudah enam tahun lamanya. Tahun 1991 beliau sudah cerita berkenaan dengan rasuah, dan sekarang sampai masanya untuk kita mengadakan rang undang-undang baru untuk mengatasi rasuah ini.

Kesan yang dirasakan apabila seorang itu melakukan rasuah kepada individu, dia akan kehilangan pekerjaan. Dia akan kehilangan kepercayaan masyarakat. Keluarga dia tidak akan dapat saraan sebab dia tidak akan mendapat kerja lagi. Dia akan mendapat gangguan emosi dan psikologi, tekanan jiwa, malu, terhina, sensitif, kebebasan dia terganggu, pergaulan sosialnya pun akan terhad apabila seorang itu diketahui melakukan jenayah rasuah. Wang rugi khususnya apabila seorang itu dituduh salah dari segi

undang-undang rasuah, dia akan menggunakan beribu-ribu ringgit untuk mengadakan seorang peguam yang amat pintar dan dia akan menggunakan seorang, dengan izin, akauntan yang bertauliah, yang pandai menyemak buku-buku sebelum dihadapkan ke mahkamah. Ini juga memberi kesan kepada tidak seimbangannya dari segi tumpuan pembangunan apabila rasuah itu berlaku kepada satu-satu kementerian ataupun jabatan. Ia akan menjauhkan perbezaan antara golongan miskin dan....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Hendak minta laluan atau hendak keluar?

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Saya hendak keluar.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Okay Yang Berhormat, terima kasih.

Jadi, dengan adanya undang-undang rasuah ini, kalau seorang itu dapat disabitkan dengan undang-undang rasuah seseorang itu akan menjauhkan, jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya. Bagaimana saya perkatakan begitu, iaitu biasanya yang kaya ini akan dapat menyuap lebih besar daripada orang-orang miskin. Kalau dia tidak mempunyai wang yang banyak sudah tentu tidak dapat sesuatu kerja kebiasaan yang berlaku di setengah-setengah tempat. Tetapi rasuah menjadi satu jambatan untuk mengaut lebih banyak lagi keuntungan, dan yang miskin tidak akan dapat peruntukan seperti itu. Ini akan menimbulkan ketidakadilan sosial dan akibatnya akan menjejaskan integrasi nasional. Masyarakat akan menjadi marah berkenaan dengan keadaan yang berlaku apabila dia tidak puas hati dan ini akan menjejaskan keadaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, jikalau rasuah berlaku, harga-harga barang akan naik sebabnya ada pula termasuk kos rasuah. Misalannya kalau lori itu membawa barang dan jikalau ditahan disebabkan kesalahan-kesalahan dan kesalahan itu tidak diambil tindakan, dibiarkan diberi laluan, tuan punya lori itu sudah tentu akan mengeluarkan rasuah, dan rasuah ini akan terlibat dengan kenaikan barang-barang yang dihantarnya disebabkan oleh rasuah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah buruknya berkenaan rasuah ini ialah pengaliran wang keluar negara, capital off-flow. Sebab apabila wang rasuah ini dapat banyak, mereka akan menyimpan duit ini di luar negara, misalannya yang selalu kita dengar di Swiss Bank, tetapi saya tidak tahu siapa yang ada akaun di Swiss Bank. Jadi, ini akan menghilangkan pertukaran wang asing dan modal. Misalannya di Amerika pada tahun 1954-1959 berlaku di mana duit dikeluarkan, dengan izin, oleh

Paron Peres Jaminas dan juga Batistar, pindah wang US\$1.5 bilion keluar negara. Ini sudah tentu menjejaskan keluaran wang keluar negara, capital off-flow.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi rasuah akan mengancam keselamatan negara dan rakyat. Contohnya, jikalau seseorang kontraktor itu diberi satu tender, satu kerja untuk membuat jambatan, kalau jambatan itu tidak dibuat mengikut spesifikasi atau mengikut apa yang dikehendaki disebabkan rasuah, maka pada suatu hari nanti jambatan itu akan runtuh dan ini akan merugikan negara. Begitu juga jikalau satu tender ataupun satu kerja diberi kepada seorang kontraktor untuk membuat apartmen ataupun kondominium, dan pembinaan kondominium dan apartmen itu tidak mengikut spesifikasi yang diberi, dengan kurang simennya, dengan tiangnya tidak begitu dalam, oleh itu, satu hari nanti apartmen atau kondominium itu akan runtuh dan ini sudah tentu menjejaskan nyawa rakyat yang tidak berdosa itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan pentadbiran dan juga dari segi apa yang berlaku di pejabat-pejabat. Jikalau sesuatu kerja itu dibuat lambat, ini akan menggalakkan rasuah. Sebab mereka akan kehilangan wang apabila sesuatu permohonan itu dilambat-lambatkan. Ini yang dikatakan kadang-kadang kita katakan speed money, di mana mereka terpaksa menggunakan wang untuk mempercepatkan kerja-kerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi rasuah juga akan menggalakkan jenayah dan juga boleh melindungi jenayah jikalau kita tidak banteraskan. Sebabnya penjenayah-penjenayah akan cuba melaku jenayah, dan jikalau kita tutup mata sebelah, jenayah itu akan berterusan dan penjenayah ini dapat dilindungi oleh pihak yang berkuasa. Ini satu masalah jikalau perkara rasuah ini terus berlaku.

Rasuah berpunca dari banyak perkara. Kalau mengikut satu bacaan saya daripada R. Brant Benddy, dalam bukunya *'Reflection on Beureaucratic Corruption'* dalam jadual Public Administration, volume 40, 1962 telah menyatakan 9 faktor yang dianggap sebagai punca rasuah, iaitu mengikutnya colonialisme, kemiskinan, kurang pendidikan, kepimpinan yang lemah, struktur kerajaan lemah, sifat masyarakat yang lemah, kelemahan pengajaran etika dan keagamaan tidak ada, tiada persekitaran ataupun tidak ada peperangan antirasuah, berlaku perubahan kerajaan secara radikal semasa peralihan kuasa. Ini akan meningkatkan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia fakta-fakta yang kita selalu dapati yang pertama ialah, berkenaan dengan kelemahan individu, iaitu setengah itu kurang iman dan ketakwaan terhadap Tuhan itu kurang. Hidup melebihi daripada pendapatan yang ada, suka hidup mewah, tamak haloba, ingin cepat kaya, suka berjudi dan suka berhutang. Inilah juga satu sebab yang menyebabkan orang-orang itu terpelencong kepada kancah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, termasuk sosial dan kebudayaan, kadang-kadang macam di negara kita ini apabila ada satu-satu keramaian, hari besar orang Cina ataupun hari raya, mereka dengan tradisi mereka membawa 'ang pau'. Dalam 'ang pau' itu kita tidak tahulah, dalam kertas merah itu adakah duit RM2, RM10, RM5,000 dan orang-orang Melayu suka membawa buah tangan ataupun bersedekah, dengan adanya perkara ini baik, tetapi setakat mana? Adakah pemberian itu sebagai ikhlas, kalau kita bawa buah tangan, kalau kita bawa buah-buahan tidak menjadi apa, tetapi kalau kita beri duit. Sekarang ini orang-orang Melayu pun bila pada masa hari raya telah mula memberi dan membawa 'ang pau'.

Jadi, 'ang pau' ini setakat mana, kemungkinan ia akan menjadikan macam dikatakan termakan budi nanti, kalau misalannya ada perkara-perkara yang dia hendak kepada pegawai-pegawai dan kepada orang-orang yang berkuasa yang boleh memberi kuasa dan membenarkan memberi kelulusan kepada sesuatu tender, kontrak dan sebagainya.

Berkenaan dengan negara kita yang moden ini juga, kita sekarang ini cuba berlumba-lumba untuk mengadakan banyak kereta, mengadakan banyak apartmen, rumah dan dengan ini ia akan memberi satu kehendak untuk mendapatkan wang yang banyak. Dari segi politik pun ada, politik ini tidak payahlah saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana politik pilih kasih pun

ada, salah guna kuasa jawatan dalam kepentingan faedah diri sendiri. Ini akan menimbulkan rasuah juga.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Zaleha minta laluan.  
**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, apa sebenarnya pandangan Ahli Yang Berhormat kalau boleh diberi penjelasan mengenai cenderahati, cenderamata, misalnya menteri pergi ke majlis ataupun sesiapa datang sama ada pegawai kerajaan, kita hendak memberi cenderamata. Pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki apakah ini juga terlibat dalam rasuah dan kalau dikatakan rasuah bagaimana caranya?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebut berkenaan dengan cenderamata di sini, sebab saya memikirkan bahawa cenderamata-cenderamata itu telah banyak sangat diperkatakan termasuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Tetapi berkenaan cenderamata ini, kepada saya niat itu yang penting sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum menyambung ucapan, saya hendak tahu berapa ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, sila tunjuk tangan!

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, banyak lagi! Okay silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, okay, terima kasih. Itu sebab saya bertanya tadi, saya bimbang kalau kawan-kawan sahabat saya tidak dapat berucap. Hanya sedikit lagi.

Menjawab berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha tadi, saya kata tadi, ini terpulang kepada keikhlasan dalam hati kita. Kalau sebalik memberi cenderamata itu adalah secara ikhlas dan kalau ikhlas itu tidak bolehlah diberi benda-benda yang mahal sangat, sungguhpun kita ada duit sekali pun, kalau kita hendak memberi cenderamata, cenderamata seperti kita membawa buah-buahan boleh ditakrifkan sebagai cenderamata juga. Kalau kita hendak membawa biskut misalannya ataupun kalau orang itu terlantar di hospital, kita kena bawa buah tangan atau buah-buahan. Jadi, perkara-perkara macam buah-buahan atau yang tidak mahal harganya dan tidak ada value sangat, dengan izin, dari segi kewangan. Value itu memang ada, benda yang kita bawa itu memang valueless kepada orang yang menerimanya itu. Tetapi kepada saya value dari segi wang ringgit. Kalau misalannya orang

sakit, dia pun bukan sahabat kita, bukannya saudara kita, kita bawa misalannya hadiah yang berharga RM3,000 atau RM4,000, ini saya rasa telah menyalahi tidak ada keikhlasan dari segi pemberi dan penerima pula akan terperanjat menerima begitu besar hadiahnya. Dia pun takut hendak menerima disebabkan takut ada ‘udang di sebalik batu’.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanalah kita hendak menyelesaikan masalah yang kita hadapi ini, satu daripada caranya ialah sikap kesedaran iaitu pihak BPR telah mengadakan Kempen Pencegah Rasuah yang amat berjaya seperti juga yang berlaku di Hong Kong di mana rakyat telah bertukar pemikiran mereka. Jadi, di negara kita ini juga kita patut mengadakan kempen-kempen besar-besaran untuk memberitahu kepada rakyat bahawa rasuah ini adalah satu perkara yang salah.

Jadi, di mana-mana juga kalau ada kawan misalnya hendak belanja lebih sedikit pun kita berkata: “Ha ini rasuah, tidak boleh!” Secara bergurau. Jadi, perkara seperti ini apabila kita heboh-hebohkan melalui TV, melalui surat khabar dan sebagainya, buat perjumpaan, buat ceramah, adakan perjumpaan di pejabat-pejabat, semua pegawai datang, pegawai-pegawai BPR datang memberi penerangan, sekolah pun begitu, di mana-mana tempat sahaja kita adakan. Perhubungan pegawai BPR dengan rakyat akan .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’, saya beri lima minit lagi.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, saya kira cukup, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** ..... pegawai dengan rakyat akan berdampingan dan rapat, mereka tidak akan takut kepada pegawai-pegawai BPR sebabnya mereka ini adalah datang untuk menasihati supaya rasuah ini adalah amat tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi orang-orang Islam, kita kenal mengikut ajaran agama kita bahawa rasuah itu adalah amat tidak baik dan kita mestilah perang nafsu supaya rasuah ini tidak menjadi satu amalan kepada penduduk di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ucap terima kasih sekali lagi kerana memberi saya peluang untuk berucap dengan panjang lebar dan saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengambil masa yang begitu panjang sedikit untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini.

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya dan diharapkan ia akan dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut rang undang-undang yang akan kita luluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dato'. Saya jemput Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock untuk memberi maiden speech.

**4.53 ptg.**

**Tuan Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil peranan dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Sebelum saya majukan pandangan saya, benarkanlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor, Dato' Dr. Haji Abu Hassan bin Omar kerana melantik saya sebagai Senator mewakili negeri Selangor dan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pimpinan MCA, Presiden saya, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dan Pengerusi MCA Selangor kerana mencadangkan saya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya apa yang ada di Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini satu matlamat yang boleh dikatakan dengan perkataan yang pendek, dengan izin, to instead greater discipline. Ini adalah selaras dengan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di tahun 1980-an iaitu menjadikan kerajaan dan negeri kita bersih, cekap dan amanah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Akta Pencegahan Rasuah ini akan membolehkan kerajaan kita dan juga jentera ataupun dengan izin, machinery kerajaan kita menjadi lebih cekap dan

juga pihak swasta kerana kerajaan menjadi lebih cekap dan bersih, pihak swasta juga akan menjadi lebih cekap.

Oleh kerana itu, negara kita dan pihak swasta kita dapat dengan izin, compete di antarabangsa kerana kita cekap, kita efisien, kita efektif, kita dapat compete bersama-sama dengan negara-negara lain.

Jadi, kita akan ada satu situasi yang akan menjaminkan Wawasan 2020 itu visi dan misi negara, visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat kita semua mencapai, saya rasa kita semua dan juga Malaysia boleh.

Dengan adanya Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, saya harap perkara rasuah ini dapat dihapuskan dapat dieliminate, kalau tidak dapat dihapuskan tentulah boleh dikurangkan dan kerajaan kita, negara kita akan jadi lebih mantap, dalam bahasa korporat, lebih 'fit' yang akan kurangkan lemak-lemak yang ada di badan kita, kita boleh bergerak dengan lebih cepat dan jentera kerajaan akan menjadi lebih berkesan.

Dengan itu, saya salah, saya berpandangan bahawa pelabur-pelabur asing akan lebih suka datang dan melabur ke negara kita dan di kalangan pihak swasta akan lebih competition yang lebih adil akan ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan satu kerajaan yang lebih cekap, jentera yang lebih cekap, berkesan dan birokratik yang lebih cekap juga dan pihak swasta yang lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari apa yang ada di dalam Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini nampaknya cara kita kata deterrent, cara preventive, saya juga ingin mencadangkan kita boleh mengadakan dengan cara sistem dan prosedur yang lebih educational, dengan izin, seperti kita boleh mengadakan piagam pelanggan iaitu di setiap satu jabatan kerajaan iaitu ‘client charter’ dan piagam pelanggan ini patutlah di‘review’ selalunya.

Selain dari itu, kita juga kalau boleh mengadakan sistem seperti ISO di semua jabatan. Sistem ISO ini adalah nampaknya sebagai satu mekanisme yang automatik dan tidak akan diganggu atau di‘disturb’ dengan campuran, dengan izin, too much of human disturbances.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**5.00 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang yang saya anggap rang undang-undang yang terpenting bagi dekad ini. Kita tahu bahawa rasuah adalah merupakan satu barah, rasuah adalah satu kesalahan, rasuah perosak, rasuah ‘api dalam sekam’ dan banyak sejarah dan ahli sejarah dan pemimpin-pemimpin yang telah menunjukkan dan membuktikan bahawa sebenarnya rasuah itu adalah satu penyebab keruntuhan sesuatu tamadun.

Tuan Yang di-Pertua, Benton adalah seorang ahli jurisprudent yang lebih menekankan kepada falsafah utilitarian dalam penggubalan undang-undang. Justeru itu dalam tahap ini kita sebenarnya membincangkan sama ada perundangan atau rang undang-undang yang telah dikemukakan benar-benar

dapat melaksanakan dengan lebih tepat dan pragmatik dan sebenarnya dapat dikuatkuasakan untuk memastikan matlamat rang undang-undang ini dapat digubal dan dilaksanakan. Kita dapati bahawa rang undang-undang ini sebenarnya adalah merupakan satu peringkat evolusi yang ketiga daripada rang undang-undang yang pernah diwujudkan dalam tahun 1961 dan kemudiannya 1982 dan oleh kerana ada beberapa kelemahan telah dicadangkan pindaan semenjak beberapa penggal Parlimen bersidang dan akhirnya telah menghasilkan satu lagi rang undang-undang yang dinamakan pencegahan rasuah yang baru. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi sedikit caution, dengan izin, bahawa rang undang-undang ini yang begitu tebal dan begitu penting tidak akan menjadi satu rang undang-undang yang dibuat secara tergesa-gesa dan kemudiannya kita mempunyai masalah apabila ianya dibawa ke mahkamah kerana kita tahu rang undang-undang ini adalah merupakan satu undang-undang yang akan sentiasa diuji di mahkamah dan kalah menangnya kita di mahkamah untuk membuktikan berlakunya kesalahan rasuah akan sangat bergantung kepada apa rang undang-undang yang akan kita luluskan pada sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya anggap penting untuk kita pastikan ianya dapat dilihat sebagai sebahagian daripada undang-undang ini. Pertamanya, kita tahu bahawa kalau rang undang-undang ini boleh dapat dilaksanakan, ianya mestilah mempunyai jentera pelaksana yang berkesan. Jentera pelaksana yang bebas daripada kawalan yang boleh merupakan sekatan bagi aktiviti-aktiviti ataupun bidang kuasa yang diberi kepada jentera, apa yang dipanggil di bawah Fasal 3 iaitu Badan Pencegah Rasuah.

Soalan yang timbul di sini adakah dengan Badan Pencegah Rasuah ini mempunyai tanggungjawab kepada Kabinet dan Ketua Pengarahnya adalah bagi sebab-sebab disiplin adalah tertakluk di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan dan seterusnya semua ahli di dalam BPR juga mengikut Fasal 7 diberi kuasa dan kebebasan pegawai polis yang dilantik di bawah Akta Polis 1967 adalah merupakan kuasa dan bidang kuasa yang mencukupi yang dapat membenarkan mereka untuk melaksanakan tugas mereka dan adakah juga dengan kuasa yang diberi kepada Badan Pencegah Rasuah ini juga akan sebenarnya juga memberikan kepada mereka, ataupun dapat mengawal segala aktiviti mereka agar tidak berlaku salah guna kuasa. Perkara-perkara ini saya rasa mungkin diminta pihak

kementerian menjelaskan agar kita dapat sejelas-jelasnya memahami tentang kuasa yang diberi kepada BPR dan pelaksanaannya agar tidak wujud kelemahan-kelemahan di mana ianya tidak akan dapat menepati matlamat ini.

Saya juga dapati bahawa BPR telah ditambah kakitangannya dan juga dapat dilantik pegawai-pegawainya sebagai Pendakwa Raya. Di sini juga saya menyarankan bahawa mereka yang diberi jawatan-jawatan ini perlulah mempunyai latihan-latihan yang secukupnya dan memahami selok-belok terutamanya akta baru ini untuk berdepan dengan peguam-peguam di mahkamah di dalam kes-kes rasuah yang akan nanti dibawa ke mahkamah-mahkamah. Juga perlulah kita adakan satu unit research and development, penyelidikan dan pendidikan di BPR untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai BPR adalah lebih advance dan lebih dinamik dan proaktif untuk mengenal pasti, mengesan sama ada apa yang kita katakan sebagai kesalahan-kesalahan rasuah yang disebut dalam akta ini ataupun mungkin kesalahan-kesalahan baru yang boleh dinamakan atau ditetapkan oleh pihak menteri di bawah Fasal 61 kerana perkembangan teknologi dan juga perkembangan white collar crime ini, dengan izin, kadangkala adalah lebih pantas daripada apa yang kita boleh kejar dan kita boleh dapati kerana itu adalah merupakan satu bentuk rasuah yang sukar kita kesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada peranan BPR yang mana Dato' Haji Mohd. Zuki tadi mengatakan mungkin perlu diubah bukannya sebagai Badan Pencegahan Rasuah tetapi Membanteras Rasuah tetapi mungkin boleh kita kekalkan 'pencegahan rasuah' kerana pada hemat saya ianya bukan sahaja untuk membanteras tetapi pencegahan itu boleh meliputi juga pembanteras dan pencegahan di sini juga sebenarnya meliputi perkara-perkara apa yang disebut sebagai peranan BPR atau tanggungjawab BPR iaitu ianya hendaklah memainkan peranan mendidik dan seterusnya mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Sesungguhnya perkara-perkara ini adalah sangat penting bagi BPR berperanan kerana bukan sahaja ianya hendak menangkap mereka yang melakukan rasuah, tetapi ia perlu juga lebih berperanan untuk mencegah rasuah dan pendidikan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara, antaranya saya rasa ada sahabat-sahabat saya yang juga telah mencadangkan bagaimana kita perlu memaparkan perkara-perkara tentang rasuah tetapi saya juga ingin menarik perhatian kita kepada seorang pemerintah

Humarabbi yang begitu termasyhur kerana dia telah berjaya - salah seorang yang telah berjaya di zaman ketamadunan awal untuk mengadakan code of laws Humarabbi dan beliau juga telah begitu berjaya memberitahu orang ramai tentang undang-undang yang ada di dalam negaranya kerana kita masih tahu bahawa ramai di negara ini yang tidak memahami tentang rang undang-undang dan selalu mengatakan mereka tidak tahu undang-undang.

Jadi, perkara itu sepatutnya tidak berlaku kerana kita mempunyai media komunikasi yang begitu moden yang saya percaya tentu akan dapat mengatasi masalah ini. Jadi, adalah diharapkan BPR akan dapat memberi sebanyak mungkin masa dan sebanyak mungkin usaha untuk memberi pendidikan kepada rakyat selain daripada salah satu daripada tanggungjawabnya untuk mencari amalan dan sistem yang boleh sebenarnya menghalang berlakunya rasuah dalam satu-satu sistem kerana sistem-sistem atau amalan-amalan yang ada, mungkin contohnya di bank-bank ataupun di agensi-agensi kerajaan ataupun dalam yayasan-yayasan yang sistem pengendaliannya mungkin perlu diperbaiki dan BPR dengan pengalaman-pengalaman rasuah dan perbuatan-perbuatan yang berkaitan dapat memberi input-input untuk seterusnya menghalang ataupun mencegah rasuah daripada terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah mengenai definisi. Definisi rasuah.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada satu minit sahaja.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Definisi rasuah ini memang tidak wujud dalam - apa yang wujud dalam rang undang-undang ini adalah kesalahan-kesalahan dalam Fasal 10 hingga 18. Saya hanya ingin menyatakan di sini bahawa salah satu daripada covenant principal of law adalah niat bagi sesuatu jenayah, knowledge of wrongfulness of the act. Ini didapati dalam kes Switt vs, Parsley bahawa jikalau ianya tidak ada *mens rea* tetapi bolehlah dikecualikan di dalam sesuatu statute tetapi saya ingin menyuarakan rasa keraguan saya tentang perkara ini apabila ianya dibawa ke mahkamah.

Lagi satu perkara yang saya juga ingin sentuh ialah mengenai perkara Fasal 20. Fasal 20 yang juga saya mempunyai keraguan kerana tujuan matlamat akta baru ini adalah untuk kita mencegah rasuah. Jikalau kita tidak mendapat kerjasama daripada orang ramai untuk memberi maklumat, maka mungkin kita tidak akan begitu berjaya untuk melaksanakan tugas-tugas kita untuk mencegah rasuah kerana Fasal 20 menyatakan kalau maklumat itu palsu, maka orang itu akan dihukum dan hukumannya begitu berat. Jadi, saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan palsu itu perlulah dilihat daripada niat

seseorang itu. Jikalau ia tidak mempunyai niat untuk memberi sesuatu yang palsu yang dapat ditunjukkan olehnya, maka tidaklah boleh dikatakan perkara itu adalah perbuatan yang palsu. Saya tahu ada banyak masalah mengenai surat-surat layang tetapi tentu sekali adalah merupakan tugas BPR. Salah satu cara untuk mendapat maklumat ialah daripada orang ramai dan salah satu caranya ialah daripada surat-surat. Tentu sekali kalau kita tidak berapa pasti perkara itu berlaku, kita perlu memberitahu sesuatu pihak tetapi kalau kita mempunyai peruntukan undang-undang yang begitu rigid, saya khuatir pihak orang ramai tidak akan memberi kerjasama yang sewajarnya sebab kalau kita tahu surat layang, kita boleh lihat ia sebagai surat layang tanpa kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** ....sebenarnya mengatakan ianya maklumat palsu. Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja perkara, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Fasal tidak ada masa lagi.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Just on hukuman which I think... Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja kalau boleh. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Kalau tidak boleh tidak apalah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Abdillah, sepuluh minit ya sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu jawab.

### 5.13 ptg.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Saya menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana tegas dan mempunyai political will, dengan izin, untuk membanteras rasuah iaitu amalan yang terkutuk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 adalah lengkap dan saya percaya banyak kerja untuk membuat kajian ke atas kelemahan-kelemahan ataupun loopholes, dengan izin, ke atas rang undang-undang berhubung dengan rasuah yang telah diluluskan sebelum ini dan saya percaya ianya akan dapat menegakkan dan menguatkan lagi usaha kerajaan untuk membanteras amalan rasuah.

Walau bagaimanapun, ada kemungkinan dari masa ke semasa kelemahan akan dapat dikesan dan saya berharap kelemahan-kelemahan ini akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa supaya usaha kerajaan untuk membanteras amalan rasuah akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan sikap keprihatinan kerajaan untuk menegakkan keadilan supaya mereka yang tidak bersalah, tidak dipersalahkan. Peruntukan untuk kesalahan bagi orang-orang membuat aduan palsu sangatlah dialu-alukan kerana ini akan dapat mengelakkan amalan fitnah yang mana timbulnya daripada perasaan hasad dengki dan cemburu. Saya percaya bahawa memberi aduan palsu ataupun memberi fitnah adalah sama buruknya dengan rasuah itu sendiri. Jadi, usaha kerajaan untuk memberi hukuman kepada mereka yang membuat aduan palsu sangatlah dialu-alukan.

Sepertimana yang kita maklum, sebelum ini Badan Pencegah Rasuah bertindak apabila menerima surat layang dan kebanyakannya ataupun beberapa surat layang itu ditulis dengan niat untuk memburuk-burukkan seseorang tanpa alasan yang tertentu. Jadi, membuat fitnah ini dan apabila Badan Pencegah Rasuah bertindak ke atas surat layang, ianya bukan sahaja menyalahkan orang yang tidak bersalah sehingga peribadinya rosak dan seterusnya banyak lagi perkara yang buruk akan terjadi kepadanya, bahkan ianya juga membuang masa dan wang kerajaan untuk membuat siasatan ke atas aduan-aduan yang tidak berasas. Jadi, usaha kerajaan untuk mengelakkan timbulnya aduan palsu ini sangatlah dialu-alukan walaupun mungkin ada setengah-setengah orang mengatakan bahawa peruntukan ini boleh menakutkan orang ramai untuk memberi aduan.

Saya berpendapat jikalau aduan itu benar, kita tidak perlu takut untuk memberi aduan yang benar. Kita hanya takut apabila kita memberi aduan palsu. Walau bagaimanapun, untuk menentukan supaya keselamatan orang-orang memberi aduan benar yang berasas itu terjamin, saya berharap pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang tertentu supaya mereka tidak diugut oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana berat sekalipun hukuman yang kita beri kepada pihak yang bersalah, kadang-kadang kita hairan juga manusia ini suka membuat yang salah, mungkin, dengan izin, there is an excitement untuk membuat sesuatu yang salah. Jadi, saya rasa tidak juga sunyi keadaan seperti ini berlaku dengan rasuah.

Sehubungan dengan ini saya berpendapat, apa yang penting ialah usaha kerajaan harus juga dibuat untuk menanam ataupun menyemadikan dalam sanubari rakyat Malaysia tentang kesedaran dan keinsafan mengenai keburukan yang timbul daripada amalan rasuah. Sepertimana yang kita maklum, amalan rasuah ini bukannya wujud pada waktu ini sahaja, ianya sudah wujud mungkin apabila manusia dijadikan di dunia ini. Jadi, untuk mengikiskan amalan yang buruk itu memang tidak dapat dibuat dalam masa yang singkat, bahkan juga dengan hukuman-hukuman yang berat. Hukuman-hukuman yang berat hanya bertindak sebagai amaran (deterrent) supaya perkara seperti rasuah itu tidak akan dibuat.

Jadi, saya menyokong penuh cadangan-cadangan ataupun saranan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain supaya kesedaran dan keinsafan itu ditanam dalam sanubari rakyat Malaysia melalui proses seperti pendidikan dan publisiti.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa singkat supaya sahabat-sahabat Yang Berhormat lain dapat berucap, saya pendekkan ucapan saya di sini dengan memberi saranan supaya kerajaan apabila melaksanakan rang undang-undang ini, mengubahsuaikan juga cara pentadbiran seperti berikut:

- (i) Kalau boleh, elakkan suasana yang boleh menggalakkan rasuah. Sebagai contoh, membuat sesuatu projek dengan tergesa-gesa, iaitu hendak menyiapkan satu projek tergesa-gesa tanpa rancangan at any cost, dengan izin. Ini boleh menimbulkan amalan rasuah.
- (ii) Elakkan sistem untuk meluluskan sesuatu di mana beberapa kelulusan daripada jabatan lain juga diperlukan. Ini akan menimbulkan rangkaian kuasa di kalangan mereka yang memberi kelulusan ataupun menimbulkan satu birokrasi. Oleh yang demikian, adalah baik diadakan satu 'one-stop-agency', dengan izin, untuk membuat sesuatu kelulusan permohonan.
- (iii) Elakkan amalan memberi terlalu banyak kuasa kepada seorang pegawai. Sebagai contoh, di mana pegawai itu menjadi pengerusi beberapa jawatankuasa yang ada kaitan dengan kuasa untuk meluluskan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyarankan supaya pegawai-pegawai yang dipilih untuk memegang jawatan yang penting, walaupun sebagai jawatan office boy, dengan izin,

dipilih atas dasar beliau mempunyai kewibawaan dan kejujuran, sebagai pilihan kriteria yang pertama, selain daripada pendidikan, pengalaman, kecekapan dan seterusnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, satu minit lagi ya.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Ya, terima kasih.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya biro aduan diadakan dalam tiap-tiap jabatan ataupun di pejabat-pejabat dalam bahagian-bahagian ataupun daerah-daerah di mana biro aduan ini akan dipengerusikan oleh ketua tempat yang berkenaan supaya tiap-tiap amalan yang tidak sihat dapat dilaporkan kepada badan aduan ini dan diambil tindakan dengan serta-merta.

Sebagai contoh, terdapat dalam sesuatu jabatan di mana kelulusan untuk satu-satu permohonan dilambat-lambatkan dengan alasan tidak ada pegawai yang cukup untuk mengkaji permohonan, kadang-kadang tersilap fail, tersalah simpan fail, kadang-kadang borang itu salah diisi, maka ini akan menyusahkan rakyat terutama sekali di luar bandar untuk mendapat kelulusan. Jadi, saya berharap kalau boleh kita adakan biro aduan kerana kalau hendak menggunakan Badan Pencegah Rasuah, ini akan memakan masa dan juga wang serta tindakan tidak akan dapat diambil, kecuali ada bukti. Jadi, saya rasa dengan adanya kewujudan badan ataupun biro aduan ini, tindakan segera akan dapat diambil ke atas sesuatu yang difikirkan tidak baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang berebut ini, saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Tuan Zakaria untuk memberi maiden speech, saya minta maaf oleh sebab masa ada kurang sedikit.

**5.24 ptg.**

**Tuan Zakaria bin Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Abdul Samad serta dengan Ahli Exco, Dato' Haji Shamsul Bahari bin Mat, Ketua Bahagian Jelebu yang telah pun mencadangkan saya untuk duduk di Dewan yang mulia ini bagi tempoh yang berikutnya.

Kita telah mendengar cadangan-cadangan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 daripada beberapa hari yang lalu. Saya sebagai orang baru dalam Dewan yang mulia ini ingin turut serta dalam perbahasan pada petang ini. Seperkara yang mungkin saya boleh utarakan ialah sepertimana yang kita tahu bahawa rasuah itu adalah satu penyakit ataupun satu amalan yang sangat tidak digemari oleh semua orang, semua pihak. Jadi, penyakit ini adalah datangnya daripada dalam hati sanubari kita. Kalau setiap insan mempunyai hati sanubari yang bersih, suci dan murni, perbuatan rasuah, perbuatan menerima sogokan, perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan ini akan dapat kita hindarkan melalui didikan dalaman, iaitu didikan rohani itu sendiri. Sekiranya rakyat Malaysia yang ada pada hari ini dapat dididik dengan perasaan ataupun nilai-nilai murni dalam diri masing-masing, perbuatan rasuah mungkin dapat dihindarkan ataupun dikurangkan, kalau tidak dibasmikan terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sekolah-sekolah akan diadakan program-program ataupun kurikulum yang boleh menjurus ke arah mengamalkan nilai-nilai murni, nilai-nilai yang terpuji berhubung dengan hal-hal yang berkaitan dengan rasuah ini dan ini mungkin untuk jangka panjang. Sebab kalau kita hanya membanteras secara jangka pendek, apabila sesuatu kes rasuah sudah diselesaikan, maka kes-kes lain akan timbul. Tetapi kalau kita ada rancangan jangka panjang untuk rakyat kita ataupun negara kita, mungkin rasuah ini pada satu jangka masa, tahun 2020 mungkin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara maju, sebuah negara yang cemerlang, sebuah negara yang menjadi pusat ilmu, pusat pendidikan dan sebagainya akan dapat dicapai melalui program-program ini.

Untuk jangka pendek, mungkin kita boleh mencadangkan kepada Badan Pencegah Rasuah ini untuk mengadakan pendedahan ataupun pemakluman kepada rakyat jelata tentang apakah perkara-perkara atau perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai rasuah. Sebab kita sekarang, sebagaimana yang kita dengar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang telah pun memberikan hujah-hujahnya, kita tidak nampak satu perkara yang jelas di mana rasuah itu boleh kita tentukan. Jadi, kalau kita dapat disenaraikan, mungkin oleh Badan Pencegah Rasuah apakah yang dikatakan rasuah itu, jadi ini saya rasa dapat membantu rakyat Malaysia untuk menghindarkan daripada perbuatan rasuah ini.

Jadi, sebagaimana yang kita tahu bahawa rang undang-undang yang ada pada hari ini adalah rang undang-undang yang jitu, yang boleh membendung dan juga melindungi pihak-pihak tertentu. Jadi, saya memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** A maiden speech is short and sweet, can be remembered for a long time. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah membahaskan rang undang-undang yang sangat penting ini, di mana Dewan Negara telah pun diberikan selama empat hari untuk membincangkan perkara ini. Namun, saya melihat bahawa ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang tidak berkesempatan untuk mengambil bahagian di dalam pembahasan ini.

Ini jelas menunjukkan bahawa tuduhan yang mengatakan Dewan Negara ini adalah rubber stamping itu adalah tidak benar, sebab selama empat hari saya duduk dengan penuh kesabaran, saya telah mendengar pandangan-pandangan yang begitu bernas yang sama baiknya dengan mutu perbahasan yang diadakan di Dewan Rakyat. [Tepuk] Kalau sekiranya rang undang-undang yang telah dilulus oleh Dewan Rakyat, apabila di bawah dalam Dewan Negara ini diluluskan juga, ia bukan bermakna bahawa Dewan Negara ini ialah rubber stamping. Ia berlaku kerana Dewan Rakyat dikuasai oleh Barisan Nasional, dan Dewan Negara juga dikuasai oleh Barisan Nasional. Jadi, pandangannya sama, tidak ada perbezaan. Sebab itu, sering berlaku apabila dilulus di Dewan Rakyat, maka di Dewan Negara ia turut dilulus. Sebab sepertimana kita semua tahu rakyat telah memberi kepercayaan yang begitu kuat kepada Barisan Nasional untuk kita menguasai Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara. Itulah sebenarnya berlaku, bukanlah apa yang berlaku iaitu Dewan Negara hanya mengiakan apa sahaja yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,.....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan kerana Dewan Negara majoritinya Barisan Nasional. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa yang tidak Barisan Nasional berdasarkan

kepada ucapan turut menyokong di dalam Dewan, tetapi di kampung memanglah tidak sokong. Apakah Yang Berhormat sedar?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya berkenaan dengan perkara ini, saya difahamkan juga bahawa dalam pilihan raya kecil baru-baru ini calon yang mewakili parti PAS sebenarnya menjadi ahli UMNO di Selayang, Selangor. Jadi, ini perkara biasa yang berlaku kepada mereka. Di sini dia sokong, tetapi dia balik dia kata benda ini tidak betul. Tetapi apa pilihan mereka sebenarnya, rakyat tidak memberi kepercayaan kepada mereka. Dia tidak ada pilihan kerana majoriti kita terlalu kuat, rakyat percaya kepada kita, sebenarnya dia tiada pilihan melainkan untuk menyokong, kerana kalau tidak, dia adalah dianggap sebagai melawan arus perdana yang dikuasai oleh Barisan Nasional pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memakan masa lama jugalah. Saya harap saya boleh habis dalam masa 55 minit untuk menjawab segala perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan 5 minit itu kita beri supaya kita menghabiskan di peringkat Jawatankuasa, yang saya percaya sehingga pada hari ini kita tidak terima apa-apa cadangan yang hendak diberikan untuk dipinda di peringkat Jawatankuasa.

Jadi, sebab itu saya meminta kepada Ahli Yang Berhormat supaya memberikan masa yang panjang, kerana kita meneliti segala pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan seboleh-bolehnya saya ingin menjawab segala perkara yang dibangkitkan. Tetapi kalau sekiranya mungkin di peringkat akhir-akhir sebentar tadi, kalau saya tidak dapat untuk menjawab kerana kita terpaksa menunggu jawapan daripada pegawai-pegawai yang juga selama empat hari telah bertungkus-lumus bersama-sama dengan kita untuk menjawab segala soalan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, kalau yang akhir saya tidak sempat memberi jawapan, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah terima jawapan secara bertulis yang insya-Allah akan saya hantar sebaik sahaja kita habis persidangan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Jinuin bin Jimin daripada negeri Sabah dalam ucapan ibunya - bolehkah maiden speech 'ucapan ibu', ucapan pertama, dia berucap, dia telah membangkit dan mencadang supaya ahli-ahli politik yang memegang jawatan sebagai ahli Parlimen ataupun ahli Dewan Undangan Negeri yang telah didakwa oleh BPR dan disabit kesalahannya tidak

dibenarkan bertanding dalam pilihan raya atau pemilihan jawatan dalam parti. Suka saya maklumkan di sini bahawa sebenarnya larangan terhadap sesiapa yang telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan itu didenda lebih daripada RM2,000 dan juga dipenjarakan tidak kurang daripada satu tahun, itu merupakan larangan yang dikenakan terhadap ahli-ahli Parlimen dan ADUN dan juga kepada mereka yang memegang pegawai di dalam parti politik, itu adalah merupakan larangan yang ditentukan oleh Perlembagaan. Ianya tidak ada kena-mengena dengan akta yang kita hendak bincangkan pada hari ini. Kalau sekiranya kita dapati bahawa penjara kurang daripada satu tahun itu adalah terlalu singkat dan denda RM2,000 itu terlalu kecil, maka apa yang perlu kita lakukan ialah untuk mengusulkan supaya Perlembagaan Malaysia itu dipinda dan ditukarkan angkanya seperti yang difikirkan perlu dan betul oleh kita. Jadi, ianya merupakan perkara di bawah Perlembagaan Malaysia, dan bukan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang kita bentangkan pada hari Isnin yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga meminta supaya diperkenalkan mata pelajaran kerohanian untuk semua lapisan pelajar di sekolah-sekolah dan supaya kerajaan mengkaji hingga ke akar umbi mengapa perbuatan rasuah berlaku dalam masyarakat Malaysia. Tetapi sebelum saya menjawab saya hendak menjelaskan dahulu, takut-takut Yang Berhormat 'Zuki Gandi', minta maaf, Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin. *[Ketawa]* Sebelum.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mohon jalankah ini?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Hendak betulkan sedikit.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat hendak apa?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Hendak membetulkan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hendak minta jalan?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Hendak betul rekod.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hendak minta jalan? Rekod tidak ada dalam ini. Kalau hendak jalan saya boleh beri.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Minta laluan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Laluan, okay.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sebelum dia buat silap dalam rekod, nama saya Mohd. Zuki bin Kamaluddin. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu semua orang tahu. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Semua Ahli tahu dalam Dewan ini. Yang Berhormat Dato' Zuki bin Kamaluddin semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun tahu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, Datuk Nazri tidak tahu. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya mohon maaf daripada Yang Berhormat Dato' Zuki, kerana sebelum saya kenali dia sebagai seorang ahli politik, saya mengenali dia sebagai seorang peguam. Jadi, kalau tidak silap saya syarikat guaman dia bernama Zuki-Gandi. *[Ketawa]* Jadi, saya sudah biasa dengan Zuki-Gandi, saya tersebut, saya mohon maaf, Dato' Zuki bin Kamaluddin. Saya hendak sebut perkara ini takut nanti dia kata saya membaca. Sebab saya tegur dia tadi, saya kata jangan membaca, mesti membahar. Tetapi saya terpaksa membaca kerana ini merupakan jawapan yang ditulis oleh pegawai-pegawai kita untuk menjawab segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya baca, Yang Berhormat.

Bagi menjawab Yang Berhormat Tuan Jinin sebentar tadi, antara langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras amalan rasuah di negara ini adalah pertama mewujudkan undang-undang rasuah yang lebih berkesan dan undang-undang tersebut akan dibentangkan dalam persidangan Parlimen pada kali ini. Yang kedua, kita meluluskan langkah untuk memperkukuhkan Badan Pencegah Rasuah dengan tambahan keanggotaan logistik, kewangan dan peranan-peranan baru. Ketiga, kita juga memperkukuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mana skop dan peranannya diperluaskan lagi untuk meliputi aspek rasuah dan integriti.

Yang keempat, kita mengarahkan jabatan-jabatan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Integriti, Kualiti dan Produktiviti bagi mewujudkan mekanisme kawalan dalaman di jabatan-jabatan berkenaan. Jawatankuasa ini perlu melaporkan perkembangan kepada JKMKPK setiap tiga bulan. Yang Berhormat Jinin juga telah bertanya dan ingin mengetahui tujuan sebenarnya Rang Undang-

undang Pencegahan Rasuah 1997 diwujudkan. Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini diwujudkan untuk menyatu dan menyelaraskan undang-undang pencegahan rasuah yang sedia ada, memasukkan peruntukan-peruntukan yang baru dan lebih baik terutama bagi usaha-usaha pencegahan rasuah. Kuasa-kuasa menyiasat dan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya negara dapat menangani pelakuan-pelakuan jenayah keji rasuah secara lebih bersepadu dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ini soalan untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, tetapi saya lihat pada hari ini dia tidak ada. Saya percayalah dia akan...

**Seorang Ahli:** Pergi majlis kesyukuran.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia pergi majlis kesyukuran, tetapi dia akan baca *Hansard*lah, kerana jawapan ini akan keluar dalam *Hansard*. Dia bertanya berkenaan supaya Fasal 20, iaitu satu fasal yang banyak mendatangkan banyak perhatian dari beberapa Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, supaya Fasal 20 dalam Rang Undang-undang Pencegah Rasuah 1997 dimaklumkan dengan seluas-luasnya kepada masyarakat umum agar ianya tidak menakutkan pemberi maklumat khususnya mengenai implikasi terhadap mereka.

Sebenarnya Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah akan mengadakan majlis-majlis penerangan bagi memberikan penjelasan kepada semua pihak mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 supaya dapat difahami dengan jelas. Fasal 20 rang undang-undang ini sebenarnya memperuntukkan tindakan yang boleh dikenakan terhadap saksi-saksi yang dengan sengaja memberi kenyataan yang palsu kepada pegawai-pegawai BPR semasa membuat keterangan dalam sesuatu siasatan BPR. Kita bukan bercakap tentang laporan palsu, kita bercakap tentang kenyataan yang dibuat kepada pegawai BPR yang palsu. Laporan palsu sebenarnya telah pun ditentukan kalau berlaku penipuan, ianya akan dikenakan di bawah Seksyen 182 Penal Code. Jadi, di sini kita hanya mengenakan Seksyen 20 ini kepada saksi-saksi yang dengan sengaja memberi kenyataan yang palsu kepada pegawai-pegawai BPR semasa membuat keterangan dalam sesuatu siasatan BPR ini.

Saya setuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berhujah selama empat hari. Sebenarnya kita tidak perlu takut kalau kita memberikan maklumat kepada pegawai BPR tentang satu perkara. Kalau kita ikhlas, jujur dan kita tidak berniat untuk membuat laporan yang kita tahu palsu, maka apa perlunya kita takut untuk membuat laporan itu.

Pada saya, orang yang takut ini kerana dia tahu bahawa laporan itu adalah palsu. Saya ingin menjelaskan di sini iaitu bahawa kalaulah sekiranya hasil daripada laporan kita kepada BPR dan BPR mengambil tindakan kemudian bukti tidak mencukupi untuk mensabitkan kesalahan, itu bukan laporan palsu, itu bukti tidak cukup. Yang kita hendak cakapkan di sini ialah berkenaan dengan laporan palsu. Laporan palsu yang akan menganiayakan orang yang disiasat, yang ini yang kita hendak kenakan kepada mereka yang memang tahu bahawa apa yang mereka buat itu adalah laporan palsu. Bermakna iaitu bahawa bukan perkara yang mudah, kita terpaksa untuk membuktikan dengan izin, mala fide, iaitu niat jahat. Niat jahat itu perlu dibuktikan di dalam mahkamah baru kita boleh mensabitkannya dengan kesalahan membuat laporan palsu dengan sengaja.

Tetapi, bagi mereka yang melapor dan apabila siasatan dibuat, bukti tidak mencukupi, orang-orang ini tidak akan dikenakan dengan Seksyen 20 ini. Sebab itu, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kita tidak perlu merasa bimbang berkenaan dengan Seksyen 20 ini kerana sebenarnya perkara ini sengaja dibesar-besarkan oleh pihak pembangkang. Kalau pembangkang tidak membesar-besarkan perkara ini dalam Dewan Rakyat, rakyat pun tidak tahu dan rakyat tidak tahu. Rakyat yang ikhlas, yang membuat laporan, mereka tidak akan takut, mereka ini ditakut-takutkan oleh pembangkang. Takkanlah kita sengaja hendak penalised, dengan izin, orang yang benar-benar ikhlas

datang melapor. Sebab itu kita kata iaitu bahawa kalau laporan dia itu dibuat dan kita siasat dan tidak cukup bukti untuk mensabitkan kesalahan, jadi, dia tidak bersalah kerana dia memberi laporan yang benar.

Jadi, sebab itulah kita jangan takut, sebab saya lihat dalam Dewan Rakyat pun yang membangkitkan perkara ini adalah pembangkang. Jadi, bila dia bangkitkan perkara ini kerana dia ada tujuan untuk membuat perkara yang jahat. Sebab itu dia takut, macam kita kes dadah, siapa takut dengan dadah? Kita hendak hukum mati orang yang kalau hendak dikirakan mereka yang trafficking, dengan izin, mengedar dadah kalau hendak dikirakan 10 miligram, begitu kecil, tetapi bagi kita takut apa? Dengan 10 mg dadah itu takut dia kena gantung, takut apa? Sebab kita tidak buat kerja itu. Yang takut siapa? Yang takut orang yang mengedar dadah.

Begitu jugalah dengan laporan ini, orang yang takut ini kerana yang sentiasa dan biasa buat laporan yang palsu terhadap orang-orang yang tertentu, yang ini yang takut. Bagi warganegara dalam negara kita ini yang ikhlas, yang jujur, tidak perlu bimbanglah. Kita pun sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, takkan kita hendak mendakwa orang yang tidak bersalah, saya tidak tahulah kalau pembangkang kalau memerintah dia buat macam itu, saya tidak tahu!

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Beri dialah dahulu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, beri dia, okay.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam Dewan Negara ini tidak ada pembangkang lain kecuali kita berdua orang daripada PAS. Sebenarnya kita menyatakan sesuatu dengan hasrat untuk memberi peringatan kerana kita takut kepada Allah lebih aula daripada takut sesama manusia. Kita tidak niat membangkang, kita bersetuju untuk kebaikan rakyat dan memberi perlindungan kepada rakyat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Adakah Yang Berhormat hendak kata dengan ada Seksyen 20 ini kami tidak takut kepada Allah? Itukah Yang Berhormat hendak kata?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tidak!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau tidak, mengapa perlu bangkit perkara ini? Kita pun takut kepada Tuhan, kita tidak buat kerja yang boleh menganiayakan orang. Kita tidak buat kerja itu.

**Tuan Haji Hamzah binti Haji Mohamed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta laluan. Adakah Yang Berhormat itu bersetuju dengan saya bahawa prinsip ini juga adalah prinsip Islam kerana dalam Islam jika kita menuduh seseorang itu kafir, pada hal dia tidak kafir, dia Islam maka terpulang balik tuduhan itu kepadanya. *[Tepuk]*

Dan yang kedua, apabila seseorang menuduh seseorang perempuan itu berzina, tuduhan itu tidak benar, maka ia adalah satu kesalahan hudud. Itu prinsip Islam.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata, kalau di Indonesia, saya akan cakap ‘persis pak!’ Tepat sekali itu! Kita tidak menggalak orang untuk menuduh yang melulu yang mengakibatkan penganiayaan terhadap orang yang dituduh itu kerana dia dilaporkan dengan laporan yang palsu. Sebab itu saya hendak mengatakan iaitu bahawa bila saya sebut pembangkang, memang betul dalam ini memanglah dua Senator PAS di sini. Tetapi, saya sebut ini secara umum, sebab saya juga di Dewan Rakyat. DAP pun bercakap perkara yang seperti itu. Tetapi jelaslah perkataan pepatah Melayu itu ‘siapa yang makan cili dia terasa pedas’, itu sahajalah!

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sila.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan. Semasa Yang Berhormat sedang menjelaskan Fasal 20 bermakna pihak pembangkang banyak bercakap soal takut kepada tindakan, katanya laporan palsu dan sebagainya. Dan memang pembangkang ini seperti Yang Berhormat tahu kalau di luar secara terbuka dengan mikrofon di majlis-majlis menuduh pemimpin-pemimpin, menteri-menteri rasuah.

Yang Berhormat ini bercakap orang PAS ini baik, ingat syurga, ingat orang UMNO ini tidak ingat syurga, tetapi dia bercakap di luar menuduh rasuah. Soalan, apakah perkara ini tidak boleh diambil tindakan di atas ucapan terbuka menuduh rasuah sedangkan bukti tidak ada ataupun mungkin kenyataan palsu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya, ....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .... nanti saya jawab dahulu Yang Berhormat ya. Saya akan beri jalan nanti, jangan bimbang!

Inilah masalahnya, kita menghormati demokrasi, jadi, kadangkala orang ini saya anggapkan sesetengah ini tidak faham apa demokrasi. Macam ‘beruk dapat bunga’. Jadi, dia fikir demokrasi ini bercakap apa sahaja, cakap dan tuduh apa sahaja, walaupun tidak betul tuduh tetapi parti Islam. Ini yang tidak betul ini!

Tetapi, tidak mengapalah kerana mereka mengatakan bahawa mereka takut kepada Islam, kepada agama, kepada Allah S.W.T. kita serah kepada akhirat besok untuk menentukan siapa yang betul, siapa yang benar dan siapa yang salah.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita dalam PAS tidak

sekongkol dengan DAP. DAP dengan pandangannya dan PAS dengan pandangannya, itu sahaja yang saya ingin menyatakan di sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim keluar Dewan]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mengapa keluar terus? Tunggu saya jawab! *[Ketawa]*

Tetapi, tidak mengapalah, saya tidak melihat Ahli Yang Berhormat sebagai katalah, saya melihat sebagai maknanya kita semua Ahli Yang Berhormat di sini kita berbincang bukan secara emosi bukan secara apa. Benda yang betul, betul, yang tidak betul - tidak betul!

Macam mana saya tidak kata sekongkol? Kenyataan yang dikeluarkan oleh PAS dan DAP semua sama sahaja. Kalau tidak suka Seksyen 20, dua-dua kata Seksyen 20 itu cuba hendak menganiayakan mereka. Sama sahaja!

Dan ada ketika dahulu kita tahu iaitu bahawa kadang-kadang bila kita bertanding lawan dengan satu kawasan lawan dengan DAP, PAS letak dia punya calon. Apa maknanya? Hendak curi pengundi Melayu supaya jangan sokong UMNO beri kalah UMNO supaya menang DAP. Sekongkollah itu! Siapa yang tidak tahu?

Benda ini bukan saya bercakap daripada pemikiran saya sahaja, ini menerusi pengalaman. Kerusi yang tentu tidak boleh menang punya dah, dia letak juga, tujuannya kenapa? Kerana dia hendak curi undi Melayu supaya

UMNO kurang, Barisan Nasional kurang undinya supaya menang DAP, sekongkollah itu! Apa lagi saya tidak tahulah, apa yang boleh membuktikan mereka sebagai sekongkol, kalau tidak mereka bekerjasama waktu pilihan raya untuk mengalahkah Barisan Nasional, sekongkollah itu. Betul atau tidak Yang Berhormat!

**Semua Ahli Barisan Nasional:** Betul! [*Tepuk*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah saya sebut. Banyak benda lain lagi yang kita boleh bercakap, yang boleh membuktikan bahawa mereka memang sekongkol berdua ini. PAS, DAP kalau kepala, mentaliti pembangkang memang pembangkang. Apa kita buat pun semuanya tidak kena. Tetapi, kita hendak memberitahu iaitu bahawa rakyat bukan bodoh Yang Berhormat. Rakyat tidak bodoh! Rakyat tahu menilai siapa yang betul dan siapa yang tidak betul. Sebab itu baru-baru ini pilihan raya yang akhir sekali kita menang. Tahun 1995 kita menang besar, ini bukan kerana apa, kerana rakyat percaya dan yakin bahawa inilah parti yang sebenar-benarnya yang akan menjalankan kebajikan dan memerintah dengan adil dan saksama di dalam negara Malaysia kita.

Yang Berhormat, saya tidak ada masa ini. Saya ingat hanya tinggal beberapa minit sahaja lagi. Saya hendak jawab semua ya.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga membangkitkan berkenaan dengan penalti yang dikenakan kepada pemberi maklumat palsu

adalah terlalu tinggi, terutama bagi golongan bawahan. Penalti ini menyebabkan orang ramai takut untuk memberi maklumat kepada BPR kerana bimbang maklumat itu mungkin tidak tepat.

Penalti ini hanya untuk mereka yang memang membuat laporan palsu, dia bukan soal orang miskin, orang bawahan atau orang atas. Ia sesiapa yang membuat laporan palsu tidak kira kedudukan mereka, kalau kita memikirkan bahawa ada orang bawahan hendak dikenakan dengan apa yang dikatakan denda yang rendah, bermakna sebenarnya kita menggalakkan orang itu untuk membuat laporan palsu. Kita tidak kira, siapa yang membuat laporan palsu, golongan bawahan atau atasan atau pertengahan, tinggi, rendah hukumnya sama. Sebab, tidak boleh membuat laporan palsu dalam perkara ini.

Jika laporan dibuat tetapi tidak cukup keterangan untuk mendakwa, itu bukanlah laporan palsu dan pengadu atau pembuat laporan tidak akan dituduh di bawah Fasal 20. Oleh sebab fasal ini hanya bertujuan untuk menghukum orang-orang yang sengaja, perkataan yang penting Ahli Yang Berhormat ialah 'sengaja', sengaja membuat laporan palsu, maka kerajaan berpendapat, denda yang diperuntukkan adalah wajar.

Perlu diingatkan tidaklah mudah untuk mengembalikan keyakinan masyarakat apabila seseorang telah dituduh melakukan rasuah dalam sesuatu laporan yang palsu. Ha, ini kita hendak kena ingat! Di kalangan kita mungkin kita tidak tahu, bagaimana apabila BPR membuat penyiasatan, itu

bukan perkara yang mudah, sesiapa yang telah disiasat oleh BPR akan tahulah betapa susah dan teruknya. Kadang-kadang disoal siasat sampai 12 jam, sehari-hari, bayangkanlah kalau disiasat 12 jam sampai lapan hari akhirnya didapati bahawa laporan itu palsu, macam mana?

Kita yang belum kena siasat, bolehlah kita kata iaitu jangan denda tinggi-tinggi, tetapi kalau kena kepada kita, kita disiasat atas laporan palsu, saya percaya iaitu bahawa yang saya dengar daripada kawan-kawan yang telah disiasat, kadangkala mereka mengatakan iaitu bahawa rasa-rasa hendak letak jawatan terus. 20, 30 tahun bekerja dengan kerajaan, mereka merasa habis begitu sahaja, disiasat sebagai orang yang bersalah, tetapi kita tidak boleh marah kepada BPR, sebab dia menyiasat, yang kita hendak marah ini orang yang membuat laporan palsu. Ini dia, dia ada kesan psikologi kepada kita, kalau kita disiasat.

Akhirnya, kalau kita dilepaskan pun, kita rasa kita bersalah, kawan pun sudah mula lari sebab sudah dengar, kalau BPR datang ke rumah kita, mesti kita dapat tahu punya, kawan dapat tahu, walaupun macam mana kita rahsiakan sekali pun, isteri kita tahu, isteri kita akan menelefon orang: “Apa yang berlaku ini?” Akan tahu!

Jadi, sebab itu kita hendak kena jaga supaya jangan sesiapa dianiayakan sebab itulah kita memastikan supaya ditinggikan denda yang dikenakan kepada mereka yang sengaja membuat laporan palsu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim juga membangkitkan berkenaan dengan penalti dalam kes-kes besar hendaklah diwujudkan hukuman mandatori iaitu merampas harta orang yang dituduh.

Peruntukan seperti ini tidak perlu dimasukkan kerana semasa menjatuhkan hukuman, mahkamah akan mengambil kira fakta kes termasuk kedudukan yang dipegang oleh orang tertuduh dan menjatuhkan hukuman yang sewajarnya.

Jika mahkamah tidak membenarkan tertuduh mengikat jamin untuk berkelakuan baik di bawah Seksyen 173A atau 298 Kanun Tatacara Jenayah maka hukuman yang mesti dijatuhkan oleh mahkamah ialah pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 14 hari. Maksudnya di sini iaitu bahawa kalau sekiranya dia tidak di'bound over', katalah hakim tidak 'bound over' dia, maka sudah mesti kalau dia didapati bersalah mesti dia kena jel 14 hari.

Jadi, soal mandatori ini tidak perlu kerana ini telah pun diwujudkan di dalam apa yang dikatakan pengamalan yang dilakukan di dalam mahkamah iaitu kalau seseorang itu didapati bersalah, kalau dia tidak di'bound over', dia dimestikan kena hukum mengikut akta ini daripada 14 hari sehingga ke 20 tahun mengikut kebesaran kesalahan yang dilakukan oleh orang yang melakukan jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim juga membangkitkan berkenaan dengan Fasal 7(2)(a)(b) dan (c) mengenai perlantikan pegawai BPR hendaklah diambil dari pegawai-pegawai yang berpengalaman seperti anggota polis yang memberi perkhidmatan cemerlang. BPR memang ingin mendapatkan lebih ramai pegawai yang berpengalaman.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kurang sambutan, maka pengambilan pegawai baru terpaksa dibuat dan mereka ini diberikan latihan yang secukupnya. Dalam kes-kes besar dan sensitif, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim kata, yang melibatkan orang-orang yang disyaki hendaklah terus direman seperti kes-kes biasa kerana dengan cara ini tidak akan memberikan mereka peluang memusnah atau mematahkan bukti-bukti dalam penyiasatan, dicadangkan supaya kes-kes rasuah dijadikan sebagai kesalahan di bawah ISA.

Peruntukan undang-undang dalam Kanun Prosedur Jenayah adalah jelas bahawa orang-orang yang disiasat boleh ditahan untuk disoal siasat selama 24 jam dan boleh ditahan reman sehingga 14 hari dengan kebenaran majistret - ini keperluan, kebenaran majistret. Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengenakan ISA terhadap penjenayah rasuah kerana ISA ini selalunya dikenakan kepada kes-kes yang ada kaitan dengan ketenteraman awam. Jadi, rasuah ini belum sampai kepada tahap yang boleh menjejaskan ketenteraman awam, maka oleh kerana itu, kita merasakan bahawa tidak perlulah dikenakan ISA terhadap mereka yang turut melakukan jenayah rasuah ini.

Yang Berhormat Datuk Ibrahim juga menyebut iaitu bahawa kes-kes rasuah yang melibatkan exco-exco negeri adalah dicadangkan supaya pegawai-pegawai dari ibu pejabat sahaja yang menjalankan penyiasatan. BPR terpaksa menggunakan tenaga pegawai sama ada di pejabat BPR negeri atau ibu pejabat bagi menjalankan siasatannya kerana kekurangan keanggotaan pada masa kini. Jadi, kita semua tahulah iaitu bahawa BPR ini kurang tenaga buat masa ini dan sebab itulah kita merasakan bahawa kita terpaksa menggunakan semua tenaga itu untuk digunakan bagi melaksanakan Akta Pencegahan Rasuah ini. Kita mesti ingat juga iaitu bahawa kita menganggap siapa juga melakukan jenayah ini orangnya serupa - sama ada dia jerungkah, dia biliskah, kita tidak pula boleh hendak mendiskriminasikan mereka yang dituduh ini (OKT) ini kerana kita

anggap semua serupa. Kalau kita memastikan dalam satu-satu kes itu hanya pegawai tinggi sahaja yang mengambil kes, bermakna seolah-olah kita hendak mengambil ketetapan, kesungguhan untuk mengenakan orang ini dalam disabitkan dengan kesalahan. Jadi, kita tidak mahu ada diskriminasi ini, kita mengenakan semua, tidak kira siapa - jerungkah, biliskah, kalau sampai waktu ketika ianya didakwa sama ada oleh pegawai yang tinggi ataupun yang tidak begitu tinggi, itu tidak menjadi faktor yang penting bagi kita. Yang penting kita dakwa siapa mereka, tidak kira mereka besar ataupun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Ibrahim juga berkata supaya pegawai-pegawai BPR ditempatkan di tempat-tempat mengundi semasa ceramah, kempen pilihan raya atau tempat mengira undi untuk mendapat maklumat tentang rasuah dan mengelakkan perbuatan rasuah. BPR sentiasa mengambil tindakan berdasarkan undang-undang untuk mencegah perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Ini termasuklah dengan cara pendidikan dan menimbulkan kesedaran masyarakat termasuk para pengundi supaya tidak terjebak dalam perbuatan yang salah ini melalui ceramah dan pameran kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Tajuddin mahu BPR di

berikan kebebasan menentukan sendiri pegawai pendakwa kes yang terbaik, menjalankan pendakwaan supaya kes-kes BPR di mahkamah tidak terbuang begitu sahaja. Bagi menentukan pendakwaan dikendalikan dengan baik, kerajaan telah pun meluluskan pertambahan seramai sepuluh orang Timbalan Pendakwa Raya kepada BPR. Dalam pada itu kes-kes yang besar dikendalikan sendiri oleh Timbalan Pendakwa Raya Kanan di Jabatan Peguam Negara juga turut melibatkan diri di dalam mendakwa kes-kes rasuah yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha-usaha pembanterasan rasuah yang telah dijalankan oleh kerajaan supaya negara selamat dari bencana inflasi yang merunsingkan rakyat berpendapatan rendah. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras amalan rasuah di negara ini adalah:

- (i) Mewujudkan undang-undang rasuah yang lebih berkesan iaitu Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dibentangkan dalam Persidangan Parlimen pada kali ini;
- (ii) Meluluskan langkah-langkah untuk memperkukuhkan Badan Pencegah Rasuah dengan tambahan keanggotaan, logistik, kewangan dan peranan-peranan baru; dan
- (iii) Memperkukuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dan jawabannya juga kita mengambil langkah-langkah dalam parti politik bagi membanteras politik wang dan juga mengambil tindakan undang-undang terhadap semua pihak yang terlibat dengan jenayah rasuah tanpa pilih kasih atau memilih bulu.

Yang Berhormat juga ada mencadangkan supaya pegawai BPR diberi kuasa untuk mendakwa kerana katanya Peguam Negara menanggung beban kerja yang banyak. Jika pendakwaan dilakukan oleh Peguam Negara, kes-kes rasuah akan lambat dibereskan. Jawabannya ialah Peguam Negara selaku Pendakwa Raya dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya - ramai, jadi bukan dia seorang sahaja yang mendakwa tetapi dia dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya. Beberapa orang Timbalan Pendakwa Raya yang khusus untuk kes-kes rasuah ada ditempatkan di BPR sendiri. Setakat ini tiada masalah dihadapi, apa-apa kelewatan dalam pembereskan kes rasuah bukanlah disebabkan oleh pendakwaan dijalankan oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya. Dia lewat itu sebab ada kes-kes lainlah, kadang-kadang dalam penyiasatan itu kita hendak cari bukti, kita hendak panggil orang, hendak soal siasat, ini yang akan memakan masa, bukan ianya berlaku disabitkan kerana kelewatan yang dilakukan oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya.

Yang Berhormat juga ada minta supaya pegawai BPR menyiasat kes-kes yang mempunyai kaitan dengan pegawai itu sendiri seperti sanak saudara atau keluarganya. BPR sentiasa memastikan tidak berlaku 'conflict of interest' dalam masa menjalankan penyiasatannya bagi menentukan keadilan kepada semua pihak.

Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jamilah binti Ibrahim. Dia pun tidak ada di sini pula, macam Yang Berhormat Hadi jugalah di Dewan Rakyat begitu juga, bila kita hendak jawab dia tidak ada. Dia bertanya iaitu bahawa BPR hendaklah diberi kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan penyiasatan dan pendakwaan dan tidak tertakluk kepada pihak lain seperti Peguam Negara dalam membuat keputusan mendakwa. Dengan ini juga, proses membuat keputusan akan menjadi lebih cepat kerana Peguam Negara sibuk dengan tugas-tugas lain.

Peguam Negara ini bukan seorang sahaja, Yang Berhormat. Peguam Negara ini institusi sahaja - Institusi Peguam Negara - yang mendakwa berpuluh - Peguam Negara, Timbalan Pendakwa Raya, ramai! Jadi macam mana kita hendak katakan iaitu bahawa seolah-olah yang mendakwa semua

kes dalam Malaysia ini dia seorang sahaja. Tidak macam itu. Peguam Negara adalah satu institusi, di bawahnya ada banyak Timbalan Pendakwa Raya dan kita tidak menghadapi apa-apa masalah dalam mempercepatkan kes. BPR menjalankan tugas-tugas penyiasatan. Yang ini dia kata dia hendak supaya BPR beri kebebasan sepenuhnya menjalankan penyiasatan dan pendakwaan. Yang tadi dia kata bila beri kepada Peguam Negara, Peguam Negara sibuk tidak boleh buat! Sekarang dia sebut BPR, dia tidak tahu BPR pun sibuk juga dok menyiasat, beri BPR lagi susah, dia hendak menyiasat lagi, hendak mendakwa lagi. Macam mana? Sekurang-kurangnya Peguam Negara dia dakwa sahaja, dia tidak perlu menyiasat. Ini hendak hantar balik BPR, suruh dia menyiasat, dia lagi sibuk menyiasat - banyak kerja. BPR menjalankan tugas-tugas penyiasatan, manakala Peguam Negara mengkaji dan membuat keputusan sama ada perlu untuk mendakwa seseorang yang disyaki rasuah di mahkamah.

Pendekatan ini merupakan satu sistem yang mempunyai 'check and balance'. Orang yang menyiasat tidak boleh didakwa sebab tidak ada 'check and balance', dia yang menyiasat, dia yang mendakwa, tidak boleh! Dia, kalau kerja dia menyiasat, dia menyiasat sahaja. Pendakwaan akan dibuat oleh Peguam Negara, baru ada 'check and balance'. Ini yang kita mahu. Prinsip 'check and balance' iaitu di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, BPR berupaya menjalankan fungsinya di bawah akta yang dicadangkan ini dengan berkesan tanpa diletakkan di bawah pengawasan Parlimen. Tidak payahlah! Sebab hari itu ada sebut, kata hendak menunjukkan ia bebas. Jadi, BPR ini kena letak bawah Parlimen kerana Kerajaan, Eksekutif dikuasai oleh pihak-pihak tertentu - pihak-pihak tertentu itu kitalah, Barisan Nasional! Dia tidak tahu letak bawah Parlimen, daripada 192 kerusi di Parlimen itu, 180 lebih Barisan Nasional, serupa juga! Barisan Nasional juga! Jadi, buat cadangan sebenarnya tanpa memikir iaitu sebenarnya buat cadangan yang tidak mendatangkan manfaat langsung. Kalaulah Barisan Nasional itu ditakuti kerana kononnya dituduh sebagai tidak adil, letak bawah Parlimen, dia lupa dalam Parlimen itu rakyat beri kepercayaan kepada kita untuk menguasai Parlimen - 180 lebih Yang Berhormat, dalam Dewan Rakyat itu. Jadi, ini cadangan apa ini? Saya tidak faham dengan cadangan ini. Ini cadangan orang yang marah, frust! Apa buat bangkang sahaja tanpa memikirkan bahawa sebenarnya cadangannya itu tidak mendatangkan apa-apa. Kalaulah Barisan Nasional itu yang dia takut, Barisan Nasional itu jugalah Eksekutif, Barisan Nasional juga yang menguasai Legislative. Jadi, saya ingat ini cadangan yang melesetlah, sebenarnya tidak ada satu-satu kekuatan di sebalik cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada .....daripada PASlah, mana lagi!

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara pula fungsi beliau sebagai Pendakwa Raya di bawah Perkara 145 Perlembagaan adalah fungsi yang terletak padanya dan boleh dijalankan olehnya

mengikut budi bicaranya berpandukan kepada fakta kes yang perlu didakwa. Oleh yang demikian, ia sudah pun merupakan satu institusi yang bebas dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pendakwaan.

Yang Berhormat juga ada sebut berkenaan dengan mencadangkan supaya takrif 'saudara' itu meliputi mertua, menantu dan lain-lain. Sukacita saya menyatakan di sini iaitu bahawa walaupun mereka itu tidak ditakrifkan bahawa menantu dan juga mertua tidak ditakrifkan di bawah 'saudara', namun dia tidak terlepas kerana mertua dan menantu itu boleh diliputi dalam takrif 'sekutu' dalam situasi yang dapat dikaitkan dengan orang tertuduh. Jadi, dia kena juga walaupun dia bukan 'saudara' tetapi 'sekutu' pun kena dan kita boleh babitkan dia di bawah 'sekutu' iaitu mertua dan juga menantu.

Sekarang kita pergi kepada soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin - mencadangkan supaya ditubuhkan satu majlis atau badan untuk memikul tanggungjawab seperti diperuntukkan dalam Fasal 8 (d) hingga (g) Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah. Tugas-tugas ini adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan Pegawai Badan seperti yang telah diperuntukkan dalam rang undang-undang ini dan tidak perlu diwujudkan lagi satu majlis atau badan lain bagi melaksanakan. Namun begitu telah wujud satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi meneruskan dasar dan strategi dalam usaha kerajaan untuk membanteras rasuah secara menyeluruh. Yang Berhormat juga bertanya supaya BPR menghantar delegasi untuk menghadiri persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa yang mempunyai kaitan dengan rasuah. BPR dari masa ke semasa menghantar pegawai-pegawainya menghadiri seminar dan persidangan di peringkat antarabangsa. Pada 7 hingga 11 September tahun ini, BPR akan menghantar seramai empat orang pegawainya ke International Anti-Corruption Conference di Lima, Peru seperti Yang Berhormat sebut.

Yang Berhormat juga ada mencadangkan supaya ditubuhkan suatu Suruhanjaya seperti cadangan Police Corruption Commission di United Kingdom untuk menangani hal rasuah di kalangan anggota polis. Pada ketika ini, kerajaan berpendapat bahawa dengan kuasa yang ada pada BPR dan dengan fungsi yang dijalankan oleh pihak berkuasa tatatertib yang berkaitan dengan anggota polis, terdapat cukup pihak berkuasa yang dapat menangani hal rasuah di kalangan anggota polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Charern Intachat bertanya apakah rasionalnya pegawai rendah diberi kuasa di bawah Fasal 23 dan 24, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Fasal 23 dan 24, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini adalah sama dengan peruntukan akta yang sedia ada, memang sudah ada. Maknanya, ini bukan perkara yang baru, kita cuma ambil yang dahulu dan kita masukkan. Kuasa ini tidak terhad kepada pegawai kanan sahaja kerana BPR mempunyai bilangan keanggotaan yang terhad serta perlu mengoptimumkan gunatenaga sepenuhnya. Jadi, sebab itu benda ini bukan perkara baru tetapi kita

terpaksa mengadakan peruntukan ini, kerana kita terpaksa mengoptimumkan gunatenaga yang ada pada kita.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran bertanya supaya hukuman terhadap pemberi rasuah dikenakan berlipat ganda daripada hukuman yang dijatuhkan terhadap kesalahan penerima rasuah. Pemberi dan penerima rasuah adalah dianggap bersalah di segi undang-undang. Oleh itu, sekiranya mereka disabitkan kesalahan melakukan jenayah rasuah, adalah wajar mereka dikenakan hukuman yang sama, serupa sahaja. Ada orang kata, kalau tidak ada pemberi, tidak ada penerima. Ada juga orang kata, kalau tidak ada penerima, tidak ada pemberi. Dia macam botol yang setengah isi, dengan izin, half feed bottle. Half feed bottle ini kita hendak kata whether dia half kosongkah ataupun half penuh, mana satu? Macam itulah. Maknanya, kalau botol ada setengah air, setengah tidak ada air, apakah kita hendak kata botol itu ada setengah air ataupun botol itu setengah tidak ada air, macam mana? Jadi, serupa sahaja. Pemberi dan juga penerima adalah serupa sahaja. Satu tidak akan wujud tanpa satu yang lain. Kalau orang yang memberi itu pergi merata-rata hendak memberi, tidak ada orang hendak menerima, tidak ada juga. Kalau seorang itu pergi merata-rata hendak menerima, tidak ada pemberi, tidak ada juga. Jadi, kedua-dua ini sebenarnya bersalah, sama-sama salah dalam kes rasuah ini.

Sebelum itu, saya hendak menjawab Yang Berhormat Tuan Charern Intachat yang minta penjelasan mengapa pemberian kuasa untuk menjalankan pengeledahan tanpa waran diberikan kepada semua pegawai BPR. Kerajaan berpendapat bahawa wajarnya semua pegawai BPR diberi kuasa ini untuk memastikan bahawa bahan bukti yang diperlukan untuk sesuatu kes rasuah dapat diperolehi. Jika hanya pegawai tertentu sahaja diberi kuasa itu, kelewatan yang hendak dihindarkan melalui peruntukan itu mungkin berlaku.

Jadi, macam ini, Yang Berhormat. Dalam Polis ini ada pangkat-pangkat, ada Lans-Koperal, Koperal, Inspektor dan lain-lain. Kita semua tahu bahawa dalam kes-kes tertentu hanya Inspektor dan ke atas sahaja. Tetapi dalam BPR tidak ada pangkat itu, tidak ada Koperalkah, jadi pegawai dianggap semua serupa sahaja. Jadi, sebab itu.....

**Tuan Charern Intachat:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sila, Yang Berhormat hendak bertanya.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan, dia ada pangkat juga, ada Superintendent, Assistant Superintendent, pegawai penyiasat dan sebagainya. Saya rasa kuasa 'search without warrant' ini kita tidak boleh beri kepada pegawai-pegawai yang rendah, takut menyalahgunakan kuasa. Sebab itu di bawah akta-akta lain ada peringkatnya yang boleh guna kuasa ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya perkataan yang memisahkan di antara orang yang boleh diberikan kuasa ini dan yang tidak boleh ialah pegawai. Jadi, bila dia sebut pegawai sahaja, maknanya dia berhaklah. Mungkin dalam Polis, pegawai itu dimaksudkan sebagai Inspektor ke atas. Tetapi dalam BPR, pegawai itu pegawailah. Siapa yang diiktirafkan di bawah BPR sebagai pegawai, sama ada Superintendentkah atau siapakah, kalau dia pegawai, maknanya dia berpangkat tinggillah, maknanya dia boleh diharapkan untuk menjalankan tugas-tugas yang selalunya kalau di dalam Polis diberikan kepada Inspektor. Jadi, sebab itu perkataan yang penting di sini 'pegawai'. Tidak membangkit pegawai rendahkah, tinggikah, tidak ada, dia pegawai sahaja. Jadi, sebab itu kita memberikan kuasa kepada pegawai untuk menggeledah tempat-tempat yang tertentu di bawah BPR ini.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya peruntukan yang boleh memberikan hadiah diberikan kepada pegawai adalah merupakan sebagai satu insentif untuk mereka. Saya hendak minta penjelasan, sebenarnya dia beri kepada pegawai?

**Tuan Charern Intachat:** Sebenarnya soalan saya, apa yang saya bangkitkan ialah ada peruntukan undang-undang seperti Akta Kastam, Akta Cukai Jualan dan banyak lagi akta di mana ada peruntukan untuk memberi hadiah. Pada pendapat saya, ini adalah satu amalan yang tidak sihat kerana memang kewajipan mereka hendak mendapat kes dan sebagainya. Itulah sebabnya saya rasa dalam rang undang-undang baru ini tidak ada peruntukan untuk memberi hadiah. Oleh yang demikian, kerajaan patut juga mengkaji supaya hadiah-hadiah tidak diberi kepada pegawai kerajaan yang menjalankan tugas, kerana akan membangkitkan penyelewengan dan sebagainya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat menyokonglah, memang tidak ada, terima kasih. Saya tersilap tanggapan.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal membangkitkan berkenaan dengan supaya takrifan rasuah dinyatakan dalam Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Walaupun Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan ini tidak secara khususnya membuat pendefinisian terhadap makna rasuah, tetapi kesalahan-kesalahan yang wujud dalam rang undang-undang ini merangkumi pendefinisian rasuah sebagai satu perbuatan salah guna kuasa awam oleh pegawai badan awam untuk keuntungan peribadi. Malah kesalahan rasuah dalam rang undang-undang ini juga merangkumi perbuatan rasuah yang dilakukan oleh semua pihak, termasuk dalam sektor swasta. Sebarang percubaan untuk mendefinisikan perbuatan rasuah dalam rang undang-undang ini akan mengakibatkan pemakaiannya menjadi sempit. Sebab itu kita tidak membuat satu definisi, supaya kita tidak mahu sempitkan pemakaiannya.

Yang Berhormat juga bertanya supaya siasatan yang dijalankan ke atas jabatan dan agensi kerajaan dijalankan secara total. BPR sentiasa menjalankan tugasnya secara menyeluruh ke atas mana-mana jabatan atau agensi kerajaan tanpa memilih bulu atau pilih kasih.

Yang Berhormat juga meminta supaya struktur organisasi BPR disusun semula dengan tambahan jawatan yang lebih banyak. Yang ini kita buat, kita menambahkan tenaga kita dengan 237 orang lagi.

Yang Berhormat juga meminta supaya BPR mestilah menjaga keselamatan mereka ketika menjalankan tugas siasatan. Kita sememangnya sentiasa diperingatkan supaya menjaga keselamatan diri mereka dari masa ke semasa.

Masa tidak ada, Yang Berhormat, jadi saya potongkan mana yang tidak perlu, ada lima minit lagi.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim - dia tidak ada di sini - tak apa, kita jawab. Walaupun dia tidak ada, kita jawab, sebab kita mesti jawab.....

**Seorang Ahli:** Jawab yang ada.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak apa, tak apa. Yang lain itu kita tulis jawapannya. Kita hendak beritahu, sebab bila dia tanya, dia tanya soalan politik. Kalau kita jawab secara bertulis, dia sahaja yang tahu. Jadi, kita kena jawab dalam Dewan ini supaya semua orang tahu. Dia kata, apa pasal tutup fail kes Pengarah Urusan Perwaja, Eric Chia. Ha, ini apa pasal tutup fail?

Siapa kata kita tutup fail. Mana dia tahu kita tutup fail. Ini saya hendak katakan bahawa penuduhan yang melulu. Dia kata, kita tutup fail. Mana ada kita tutup fail?

Siasatan terhadap penyelewengan yang dikatakan berlaku di Perwaja masih lagi diteruskan dan tidak timbul isu bahawa kes berkenaan telah ditutup. *[Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim masuk ke Dewan]* Yang Berhormat sudah ada, saya hendak jawab soalan Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan kes Eric Chia, Yang Berhormat kata, BPR tutup fail. Yang Berhormat check di mana fakta yang sebenar itu? Saya hendak kata di sini, kami tidak tutup fail. Siasatan terhadap penyelewengan yang dikatakan berlaku di Perwaja masih lagi diteruskan dan tidak timbul isu bahawa kes berkenaan telah ditutup. Siasatan yang dijalankan adalah proses pengumpulan bukti. Bukan senang hendak kumpul buktinya. Sekiranya hasil siasatan mendapati cukup bukti untuk dibawa ke muka pengadilan, maka tindakan pendakwaan akan dibuat. Kita tidak boleh dakwa orang berdasarkan kepada cakap-cakap orang, tidak boleh, kita kena cari bukti. Saya tidak tahulah kalau parti Yang Berhormat dakwa orang, dengar orang cakap dan terus dakwa. Tetapi kita mencari bukti dahulu, ada bukti kukuh, barulah kita dakwa dia terhadap kes yang disabitkan dengan perbuatan rasuah yang dikatakan dia telah lakukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak lagi jawapan. Saya menjangka satu jam cukup untuk menjawab, tetapi sebenarnya banyak lagi jawapan ini, termasuk soalan-soalan yang masih lagi dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, termasuk Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, saya tidak dapat hendak jawab di dalam Dewan ini kerana masa singkat dan kebetulan juga pada hari Isnin pun saya tidak ada di sini kerana saya ada melawat mahkamah. Jadi, saya tidak dapat hadir pada hari Isnin untuk menjawab, maka saya terpaksa menghabiskan penggulungan saya kepada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini pada hari ini juga. Dan bagi mereka yang saya tidak.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, masa tidak cukup, saya tidak beri jalan, sila duduk, walaupun Yang Berhormat berkawan dengan bapa saya dahulu, saya tahu. *[Ketawa]* Ya, sila duduk, saya tidak beri jalan kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Point of order.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Point of order apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** On a point of order.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, point of order apa?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** On a point of order.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nombor berapa?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak payah nomborlah.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hai, kenalah beri nombor, Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua hendak beri saya tanya kepada Yang Berhormat atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua hendak beri.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak boleh beri jalan, Yang Berhormat, sebab waktu kita suntuk. Jadi.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:**.....sebab saya hendak kata dua ayat sahaja - two sentences.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, kita ada jawatankuasa lagi selepas ini.

Jadi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan rang undang-undang ini. Sepertimana yang telah saya sebutkan di mana yang saya tidak jawab ini, saya akan arahkan pegawai saya, kerana jawapannya ada di sini, untuk menulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan serta memberikan jawapan kepada soalan mereka. Maka dengan itu, saya ucapkan sekali lagi terima kasih dan saya percaya bahawa rang undang-undang ini memang dinanti-nantikan dan yang disokong dengan kuat oleh semua Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 63 -**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, pasal disebut Fasal 1 hingga 63 tadi, maknanya saya hendak pergi dari Fasal 1 hingga 63. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, kalau pihak kerajaan tidak dapat menjawab dalam Jawatankuasa ini, adakah habis pukul 6.30 petang ataupun sambung pada hari Isnin? Saya hendak tanya itu dahulu, Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, dia kena sediakan usul untuk kita bincang satu persatu, pindaankah, apakah? Kalau tidak ada, tidak adalah. Saya rasa tidak ada yang dibentangkan.

**Tuan Pengerusi:** Usul yang lebih awal tidak ada, bukan? Soalnya, kalau sekiranya tidak dapat bertanya habis pada hari ini? Soalan hendak tanya apa lagi itu? Kita sekarang dalam Jawatankuasa.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, ya. Dalam Jawatankuasa ini, minta maaf bercakaplah, maknanya kita boleh relax sedikit, relax cara kita bertanya, penjelasan dan sebagainya. Jadi, dalam Jawatankuasa ini masa patut diberi panjang sedikit. Kalau tidak, maknanya ada perkara-perkara yang tidak betul dalam rang undang-undang ini kita luluskan begitu sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** Kita sekarang dalam Jawatankuasa. Jadi, kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap dari satu Fasal atau dua tiga Fasal, boleh, tetapi masa sudah mencukupi dan kita terpaksa membawa Usul Penangguhan. Majlis bersidang semula.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT**

**6.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN PENANGGUHAN****PENDIDIKAN KANAK-KANAK TERENCAT AKAL**

**6.30 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan yang bertajuk 'Pendidikan Kanak-kanak Terencat Akal'.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tegaskan bahawa tujuan saya membawa atau mengemukakan persoalan ini bukanlah semata-mata atas dasar perikemanusiaan, tetapi lebih jauh dari atas dasar tanggungjawab menunaikan perintah Allah untuk menyatakan bahawa anak-anak khususnya mereka yang terencat akal merupakan satu amanah dan ujian kepada setiap keluarga yang terlibat serta juga masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa pendidikan kanak-kanak terencat akal adalah masih muda berbanding dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara maju, terutamanya di negara-negara barat. Oleh itu, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah ini masih belum memuaskan, malah bolehkah dikatakan jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka rasmi mengenai jumlah kanak-kanak yang terlibat dan saya yakin pihak kementerian juga masih menghadapi masalah untuk memberikan angka-angka secara tepat, memandangkan terdapat ramai kanak-kanak yang masih belum berdaftar atau didaftarkan. Namun demikian, saya dimaklumkan bahawa terdapat tidak kurang dari 2,800 orang berdaftar sehingga Mac 1996. Oleh itu, dalam tempoh sehingga tahun 2000 saya yakin jumlah ini akan meningkat berlipat ganda.

Tuan Yang di-Pertua, kelahiran kanak-kanak terencat akal sama ada yang bersifat hyper active, dengan izin, atau kecacatan down syndrome masih belum dapat dielakkan walaupun dunia hari ini telah begitu maju dalam bidang sains dan teknologi sehingga manusia telah dapat menerokai Marikh, planet ketiga terdekat dengan matahari. Sebenarnya kewujudan anak-anak ini merupakan ujian dari Allah kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, mahu atau tidak, keadaan ini kita terpaksa hadapi secara praktikal. Tambahan lagi, kerajaan sekarang ini melaungkan hasrat untuk melahirkan masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini masih muda di negara kita, sistem metodologi dan pengurusan juga masih belum begitu kukuh dan mantap lagi, pihak kementerian yang terlibat perlu memastikan adanya tenaga kepakaran yang benar-benar menguasai ilmu psikologi dan teknik rawatan serta layanan yang diberikan kepada kanak-kanak terencat akal yang berkenaan. Dengan memberikan berbagai-bagai bantuan dan kemudahan yang terkini, adalah diharapkan usaha-usaha pihak kementerian akan dapat membantu dan mengatasi arah tuju kebajikan dan masa kanak-kanak istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan dan kejayaan kanak-kanak istimewa ini juga sudah pasti memberikan kesejahteraan kepada keluarga yang terlibat. Selain daripada itu, publisiti yang meluas perlu dilakukan kerana saya yakin masih terdapat ramai ibu bapa yang tidak boleh menerima hakikat kewujudan anak-anak istimewa berkenaan. Ada yang merasa malu dan tidak mahu membawa kanak-kanak itu supaya didaftarkan di sekolah-sekolah yang telah pun wujud.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim menekankan betapa perlunya diberikan ganjaran istimewa kepada guru-guru di negara ini. Bagi saya pula, guru-guru yang terlibat dengan kanak-kanak istimewa ini yang lebih menghadapi cabaran yang berat perlu diberikan ganjaran yang sewajarnya dan istimewa. Jika tidak menjadi kesulitan, pihak kerajaan perlu mencontohi langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara maju di dalam menangani masalah kanak-kanak istimewa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya kementerian:

- (i) memperbanyakkan sekolah yang boleh menampung kanak-kanak istimewa berkenaan dengan kemudahan sesuai dan mencukupi;

- (ii) memperbanyakkan guru-guru dan kakitangan pengurusan dengan latihan khas;
- (iii) mewujudkan pusat-pusat kerjaya bagi pelajar-pelajar ini bagi membolehkan mereka memperolehi sara hidup pada masa akan datang apabila penjaga mereka sudah tiada lagi;
- (iv) menggalakkan pihak swasta supaya mengambil pelajar-pelajar istimewa ini supaya menjadi pekerja-pekerja di sektor-sektor dengan keadaan yang sesuai.

Sekian, terima kasih.

**6.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan soal pendidikan kanak-kanak terencat akal ini. Saya suka jelaskan iaitu falsafah Pendidikan Khas mempunyai matlamat yang sama dengan falsafah pendidikan negara, iaitu meliputi semua pendidikan ke arah menyediakan perkembangan optimum bagi kanak-kanak dengan keperluan khas. Di Malaysia kanak-kanak dengan pendidikan keperluan khas didefinisikan berdasarkan kepada kebolehan, kefungisian, kemahiran perhubungan, penguasaan dan pencapaian kanak-kanak tersebut dalam kemahiran pengembangan ataupun development of skill, dengan izin.

Melalui Program Pendidikan Khas diharapkan mereka akan dapat berfungsi sebagai individu-individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, boleh mengurus kehidupan sendiri, dapat menyedari potensi diri serta berkeupayaan untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas-kelas bagi pelajar bermasalah, pembelajaran yang ditakrifkan sebagai dengan izin, educable dan trainable termasuk yang terencat akal telah dibuka di sekolah biasa melalui Program Percantuman sejak tahun 1988. Kes-kes yang lebih serius dan mempunyai lebih daripada satu jenis kecacatan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Namun demikian, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan bagi pelajar-pelajar berkenaan.

Pada tahun 1997 ini terdapat 619 kelas di peringkat rendah dan 85 kelas di peringkat menengah bagi pelajar-pelajar tersebut. Pelajar-pelajar ini diberi pendidikan yang sewajarnya supaya menguasai kemahiran mengurus diri dan latihan kemahiran bersesuaian dengan keupayaan mereka melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kelonggaran diberi bagi mereka untuk berada di sekolah rendah selama dua tahun, iaitu sehingga mereka berumur 14 tahun sebelum meneruskan pendidikan sekolah menengah. Bagi menangani masalah pembelajaran pelajar-pelajar ini, guru-guru yang akan bertugas diberi latihan khas dalam bidang masalah pembelajaran selama 14 minggu atau satu tahun di tiga buah maktab perguruan.

Pada tahun 1997 seramai 20 orang guru pelatih untuk mengikuti Kursus Diploma Perguruan Khas dalam bidang bermasalah pembelajaran. Di samping itu, usaha diambil bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui kursus-kursus pendek, bengkel yang kelolakan oleh pakar-pakar tempatan dan dari luar negara meliputi tajuk-tajuk yang khusus ataupun spesifik. Usaha juga diambil bagi menghantar guru-guru berkenaan mengikuti kursus-kursus dan mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah berkaitan di luar negara. Bagi guru yang tidak terlatih, mereka diberi peluang mengikuti kursus dalam cuti di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan. Pada masa ini seramai 213 orang guru sandaran tidak terlatih sedang mengikuti kursus-kursus berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1994 guru-guru yang berkelayakan tidak diberikan peluang untuk mengikuti kursus di peringkat ijazah melalui program kembar dengan institusi pengajian tinggi di dalam negeri. Bilangan ini meningkat dengan adanya Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) atau bidang pendidikan khas, dan mereka yang cemerlang dipilih untuk meneruskan pengajian di universiti. Di samping itu, guru-guru juga diberi peluang mendapatkan ijazah pertama dan lanjutan di bawah Skim Latihan Pegawai-pegawai Pendidikan. Semua guru yang mempunyai kelayakan khas dalam mendidik pelajar berkeperluan khas dibayar elaun khas sebanyak RM60.00 sebulan. Bagi memantapkan keperluan pendidikan khas, termasuk untuk kanak-kanak yang terencat akal, Kementerian Pendidikan menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan khas dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Antaranya termasuklah:

- (i) memperkemaskan kurikulum pendidikan khas;
- (ii) memantapkan lagi pedagogi.
- (iii) mempelbagaikan program pendidikan prasekolah;
- (iv) melaksanakan Program Pembangunan Infrastruktur dan Kerja-kerja Selenggaraan;
- (v) pembinaan institusi pendidikan khas negara;

- (vi) melaksanakan pendidikan inklusif;
- (vii) strategic alien, dengan izin, dengan persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan masyarakat; dan
- (viii) menambah dan menggantikan peralatan serta kelengkapan pembelajaran.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan ini dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Uslu dikemukakan bagi diputuskan, disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan pada hari Isnin, 18 Ogos 1997.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.***